

Transformers:
Sasar
100,000
pengunjung MS 7



Teater
Muzikal
P. Ramlee MS 9



Surau
Bandaraya
siap MS 25



Mutiara

buletin

PERCUMA



www.buletinmutiara.com



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

16 – 31 JULAI 2015

2,059 guru agama terima 'duit raya' atas integriti KN

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

SEBERANG JAYA – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini menyaksikan majlis penyerahan replika cek bantuan khas kewangan 2015 berjumlah RM596,200 kepada guru agama pelbagai kategori di negeri ini, sebagaimana menjelang musim perayaan Aidilfitri pada tahun-tahun sebelum ini.

Penerima, 1,472 guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), Penyelia KAFA (14), guru Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR, 166), guru Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR, 192), guru Tahfiz (170), guru sekolah sekolah pondok (19) dan guru Tadika Islam (TADIS, 26).

"Kalau sesebuah Kerajaan Pusat mengamalkan integriti, tentulah tak akan berlaku '1Malaysia Dalam Bahaya' atau 1MDB dengan hutang tertunggak mencecah lebih RM42 bilion, yang turut mendapat liputan media-media dari luar negara.

"Sumbangan khas boleh diuruskan kerana kita ada surplas, walaupun Kerajaan Negeri



ABDUL Malak Abul Kassim (tiga dari kanan) dan Mohamad Sabu (kiri sekali) diiringi Ketua Menteri menyerahkan replika cek kepada wakil penerima sumbangan khas Guru Tahfiz, Ustaz Hishamuddin Mohd. pada Majlis Berbuka Puasa Bersama-Sama Ketua Menteri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

tidak begitu 'senang' seperti dulu disebabkan terbeban (oleh) GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan), sebagaimana susah ditanggung

oleh rakyat.

"Kerana ada integriti, kita (Kerajaan Negeri) berbelanja secara hemah dan lebihan

kewangan inilah dikongsi dengan menyalurkan pemberian khas kepada guru-guru agama yang begitu banyak sumbangannya kepada pembangunan modal insan di negeri ini," katanya pada Majlis Berbuka Puasa Bersama-Sama Ketua Menteri Pulau Pinang di depan hampir 1,000 tetamu di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir) dan Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) turut hadir pada majlis yang dilangsungkan di Hotel The Light dekat Seberang Jaya di sini.

Bekas Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Mohamad Sabu, Dato' Ir. Phahrolrazi Mohd. Zawawi (Pengerusi Persatuan Ummah Sejahtera Malaysia, PasMa yang merupakan pertubuhan bukan kerajaan, NGO), Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa (bekas ahli lembaga pengarah Yayasan Islam Pulau Pinang, YIPP) antara tetamu utama pada majlis jamuan itu.

PDRM, ATM terima saguhati raya tanda penghargaan

PENGHARGAAN... Sebagai menghargai jasa dan khidmat bakti pasukan keselamatan negeri, Kerajaan Negeri menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri bernilai RM10,000 masing-masing kepada pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di sini baru-baru ini.


Mewakili PDRM adalah Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner (ACP) Mior Faridalathrash Wahid yang mewakili Ketua Polis Negeri. Manakala, Panglima Markas Briged Keenam, Brigedier Jeneral Mardzuki Muhammad dari Kem Sungai Layar, Sungai Petani mewakili pasukan ATM.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri amat menghargai jasa dan pengorbanan anggota-anggota keselamatan tanpa mengira masa demi memastikan keselamatan serta kesejahteraan semua terpelihara.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.



MOHD. Rashid Hasnon (kiri sekali) beramah-mesra dengan Mior Faridalathrash Wahid (tengah) dan Mardzuki Muhammad selepas selesai Majlis Penyampaian Cek Sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada PDRM dan ATM di sini baru-baru ini.



Aset wakaf sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi semasa – YDP MAINPP

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
 Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

AIR ITAM – Yang Dipertua (YDP) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man menyatakan supaya amalan sumbangan wakaf dapat dibudayakan dalam masyarakat Islam di Pulau Pinang.

Beliau berkata demikian pada pengajuran Hari Wakaf Produktif Pulau Pinang 2015 di Masjid Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Jelasnya, wakaf adalah suatu model ekonomi Islam untuk berkongsi kekayaan dan ia tidak terhad pada sumbangan daripada golongan berada sahaja, bahkan golongan kurang berada juga digalakkan menyumbang dari harta-harta yang mereka miliki.

“Konsep wakaf ini mudah, serendah RM5 sesiapa sahaja boleh menyumbang wakaf kerana Allah S.W.T dan ia adalah salah satu amal jariah yang sangat dituntut dalam Islam,” katanya ketika berucap pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas hadir menyempurnakan majlis pengagihan dana wakaf.

Turut sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato'

Seri Farizan Darus dan Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor, Mufti Negeri Pulau Pinang.

Serentak itu, Mohd. Salleh juga menggesa supaya umum mengubah persepsi masyarakat yang hanya melihat aset wakaf dari perspektif agama semata-mata dan memperluaskannya sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi semasa.

Jelasnya, agihan sumbangan wakaf tersebut dilaksanakan setiap tahun sebagai sebahagian kerangka amalan-amalan terbaik (*best practices*) kod urus tadbir jawatankuasa wakaf di MAINPP.

“Tahun 2014, MAINPP menjana kira-kira RM3.9 juta hasil pengurusan harta wakaf seluruh Pulau Pinang yang merangkumi wakaf khas, wakaf am dan wakaf keluarga.



SALAH seorang penerima menyantuni Dr. Abdul Rahman Abbas (tiga dari kanan) pada pengajuran Hari Wakaf Produktif Pulau Pinang 2015 di Masjid Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan zakat kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan Mohd. Salleh Man (kanan sekali).

“Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.25 juta diagihkan kepada 68 organisasi bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan Islam di Pulau Pinang,” ujar beliau.

Tambah Mohd. Salleh, MAINPP juga mengumpul dana bagi produk-produk dana wakaf yang melibatkan pembelian tanah, pembangunan pendidikan dan kemasyarakatan.

“MAINPP juga mensasarkan pembelian tiga buah bangunan iaitu masing-masing di Daerah Timur Laut, Daerah Barat Daya dan Daerah Seberang Perai Tengah untuk pembangunan

pendidikan serta kemasyarakatan dengan nilai RM3.429 juta,” jelasnya.

Terdahulu, MAINPP juga telah membeli tiga bangunan hasil dana wakaf di Taman Selat, Lebuh Chulia dan Bandar Perda dengan nilai RM2.297 juta.

Orang ramai yang ingin menyalurkan sumbangan wakaf boleh hadir ke kaunter MAINPP atau layari laman sesawang, danawakaf.com.

Keterangan lanjut sila hubungi MAINPP di talian 04 - 226 0305 / 0312 atau hadir ke pejabat MAINPP di Tingkat 8 & 9, Menara Umno, 128, Jalan Macalister.

Mengapa laksana hukuman terpilih ini, apa salah pemaju di P. Pinang? - Jerry Chan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
 Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri mengkaji langkah perundungan sewajarnya berhubung amalan Putrajaya yang belakangan ini dilihat kian melengah-lengahkan proses kelulusan lesen pemaju dan permit iklan (DLAP) di Pulau Pinang.

“14 hari untuk mereka (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) membuat penjelasan (kerana) kita mahu tahu, apa sebenarnya yang berlaku.

“Jika tidak, kita (Kerajaan Negeri) akan meneroka undang-undang jika kita boleh mengambil apa-apa tindakan lanjut, tetapi, pada masa yang sama, pemaju juga boleh meneruskan perkara (memohon DLAP) itu,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Datuk Keramat kepada wartawan di sini pada 24 Jun lalu.

Ketegasan itu sebagai respons pada jawapan bertulis Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Ahli Parlimen Bagan merangkap Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Parlimen baru-baru ini.

Jawapan bertulis itu antara lain menyebut, daripada 48 DLAP di Pulau Pinang yang dibuat sejak bulan Ogos 2014 hingga Februari 2015, baru 18 permohonan diluluskan.

Justeru, Jagdeep menambah, sepatutnya status satu-satu permohonan DLAP boleh diketahui dalam tempoh dua minggu sahaja, sama ada diluluskan atau sebaliknya.

“Sekarang, mereka (kementerian) telah menangguhkan kelulusan lebih daripada setengah tahun, jika ditolak, kementerian mestilah memberikan sebab penolakan.

“Apabila mereka tolak (DLAP) di Pulau Pinang kami, mereka



JAGDEEP Singh Deo (kiri) dan Jerry Chan pada sidang media berhubung isu kelulusan DLAP di sini baru-baru ini.

meminta kami menunggu sehingga selepas Tahun Baru Cina, kemudian, apabila kita ikuti, mereka meminta kami menunggu sehingga selepas Raya (Aidilfitri),” tegas Jagdeep melahirkan rasa kecewa dengan Putrajaya agar memberi layanan yang lebih adil kepada pemaju-pemaju

Bercakap pada sidang media sama, Pengurus Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Malaysia (REHDA) Pulau Pinang, Datuk Jerry berkata, pemaju di negeri ini terpaksa menanggung lebih kos operasi sepanjang tempoh menanti kelulusan DLAP ini.

“Kenapa menghukum kami, mengapa melaksanakan hukuman terpilih ini, apa salah yang telah dilakukan oleh pemaju di Pulau Pinang sampai dihukum sebegini (melewati kelulusan DLAP),” tanya Jerry sambil menyatakan komitmen untuk memberikan kerjasama kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Terdahulu, Jerry dan Jagdeep pada hujung tahun lepas memberitahu Putrajaya bahawa amalan melewati proses kelulusan DLAP merupakan salah satu punca lebih 30 pemaju di negeri ini lewat memasarkan hartanah masing-masing.

Ditambah dengan langkah Kerajaan Pusat melaksanakan Cukai Barang & Perkhidmatan (GST) mulai 1 April lalu, Jagdeep dan Jerry berkata, pemaju di negeri ini terpaksa menanggung lebih kos operasi sepanjang tempoh menanti kelulusan DLAP ini.

TKPM RM40 juta demi penuhi keperluan makanan negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **DARWINA MOHD.
DAUD**

BUKIT TENGAH — Pembukaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Juru dengan nilai pelaburan kira-kira RM40 juta baru-baru ini adalah demi memenuhi keperluan makanan negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, langkah itu demi memenuhi keperluan makanan negara yang dijangka kian meningkat menjelang tahun 2020.

"Kesedaran pada pengguna terhadap makanan protein umpamanya mengakibatkan permintaan ikan tiap-tiap tahun kian meningkat, maka, penternakan ikan akaukultur dengan sokongan teknologi terkini sudah tentu diperlukan sebagai alternatif.

"Tidak ada yang mustahil untuk dicapai jika kita berusaha melaksanakan projek berskala besar, secara komersial dengan disokong oleh teknologi tinggi, membabitkan usahawan termasuk daripada sektor swasta.

"Jadi, saya berharap kemajuan aktiviti pertanian di Pulau Pinang dengan sokongan teknologi terkini mampu dilakukan supaya setanding dengan sektor perindustrian dan pelancongan negeri," ujarnya pada

Majlis Perasmian Pembukaan TKPM di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin turut berucap pada majlis tersebut.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Ong Chin Wen, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani dan Timbalan Setiausaha (Pembangunan) Kerajaan Negeri merangkap Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Datuk Abu Jamal Nordin turut hadir pada majlis tersebut.

Guan Eng memberitahu, kesedaran pengguna pada makanan berprotein mengakibatkan permintaan ikan dari 1.3 juta tan metrik pada tahun 2010, dijangka meningkat kepada 1.9 juta tan metrik (2020) dengan pertumbuhan 3.8 peratus setahun.

Lagipun, beliau menjelaskan bahawa sektor pertanian negeri mencapai pertumbuhan menggalakkan sebanyak 4.7 peratus, berbanding dengan 3.0 peratus untuk seluruh Malaysia bagi tahun 2011 hingga 2013.

"Ini menyebabkan sumbangan pertanian kepada KDNK (Keluaran Dalam Negeri Kasar) naik kepada 1.9



KETUA MENTERI menyempurnakan Majlis Pembukaan TKPM di Juru sambil disaksikan Mohd. Rashid Hasnon (barisan depan, kanan sekali), Dr. Afif Bahardin (barisan depan, dua dari kanan) serta barisan pemimpin Kerajaan Negeri lain di sini baru-baru ini.

peratus pada tahun 2013, berbanding dengan 1.6 peratus (2005)," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Sebelum itu, Afif memberitahu bahawa TKPM yang berkeluasan 115.20 hektar itu dibahagikan kepada zon pertanian, zon perikanan dan zon penternakan.

Tambah beliau, pengurusan TKPM tersebut turut disokong secara bersepada oleh Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan peringkat negeri.

Difahamkan, penternakan ayam secara *Closed Breeding Farm* menggunakan teknologi tinggi bertaraf antarabangsa turut didirikan



KEADAAN ladang penternakan ayam secara '*Closed Breeding Farm*' menggunakan teknologi tinggi bertaraf antarabangsa turut didirikan di TKPM.

di TKPM.

Langkah komersial itu susulan Nilai Hasil Tahunan (NHT) bagi aspek pengeluaran peladangan melebihi

hasil RM844.10 juta yang diperoleh pada tahun 2014, dengan 60 peratus hasil daripada pengeluaran ayam dan itik.

Janji cat semula rumah pangsa Taman Tun Sardon hampir dikotai

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

SERI DELIMA — Kerja-kerja mengecat kesemua 26 blok rumah pangsa di Taman Tun Sardon dijangka siap sepenuhnya tidak lama lagi, sebagai mengotakkan janji bekas Ahli Parlimen Bukit Gelugor, mendiang Karpal Singh menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) pada tahun 2013 dulu.

Anaknya, Jagdeep Singh Deo yang juga Exco Perancangan

Bandar & Desa dan Perumahan memberitahu, kerja-kerja berwajib yang dimulakan sejak bulan Mei tahun lepas itu menelan peruntukan kira-kira RM1 juta.

"Ini merupakan jumlah terbesar yang diperuntukkan oleh Jabatan Perumahan Negeri.

"22 blok telah siap pada akhir tahun 2014 dan pada hari ini, fasa terakhir baki empat blok akan bermula dengan kos RM198,000," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk

Keramat pada kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Seorang lagi anak Karpal, Ramkarpal Singh yang juga merupakan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, R.S.N. Rayer (ADUN Seri Delima) dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mohamed Yusoff Mohamed Noor turut serta pada sidang media itu.

Jagdeep memberitahu, sebanyak 80 peratus kos fasa akhir projek tersebut ditanggung oleh Kerajaan Negeri, manakala baki 20 peratus ditanggung oleh Rayer.

"Kami (Kerajaan Negeri) akan terus melaksanakan apa yang kami cakap dan menyampaikan janji-janji kami kepada rakyat, yang merupakan sesuatu yang tidak dapat dikotakan sendiri oleh Kerajaan Persekutuan," tegas Jagdeep.

Serentak itu, beliau turut menggesa Kerajaan Pusat supaya membalias surat rasminya bertarikh 19 Jun lalu, yang menuntut penjelasan sama ada Putrajaya mahu meneruskan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) atau sebaliknya.



(Dari kanan), **JAGDEEP** Singh Deo, Ramkarpal Singh dan R.S.N. Rayer menyempurnakan gimik pelancaran fasa akhir program mengecat baki empat blok rumah pangsa Taman Tun Sardon di sini baru-baru ini.

Ini kerana, tambahnya, TP1M tidak lagi disebut dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), sedangkan kelewatan meluluskan 118 lagi permohonan di bawah skim tersebut sehingga kini adalah disebabkan amalan tadbir urus Kerajaan Pusat sendiri.

"Kita tidak boleh meluluskan HAPPY! (Program Bantuan Perumahan Rakyat Pulau Pinang) untuk membiayai kos yang

sepatutnya ditanggung penduduk, selagi mana proses kelulusan TP1M, jika masih ada (selepas RMK-11), ini terus dilewat-lewatkan.

"Terdapat 118 permohonan tertunggang (membabitkan) projek kos rendah dan sederhana rendah di Pulau Pinang di bawah TP1M ini, dengan jumlah anggaran kira-kira sekitar RM28 juta," jelas Jagdeep.



RUPA bentuk rumah pangsa Taman Tun Sardon.

'Rumah ganti rumah' bela 54 setinggan di Sandiland Foreshore

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN – Tanjung Villa Developement Sdn. Bhd. dipilih secara tender terbuka untuk memajukan 803 unit pangaspuri mampu milik pelbagai kategori di *Sandiland Foreshore* kerana pemaju itu menawarkan nilai tertinggi kepada Kerajaan Negeri, iaitu sebanyak RM36 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bagaimanapun berkata, 54 pemilik rumah setinggan di kawasan tersebut akan diberikan unit rumah berwajib, dalam projek pembangunan kasar yang keseluruhannya bernilai RM245,675,000 itu.

"Projek ini untuk membekalkan rumah

mampu milik untuk rakyat dan pada masa yang sama, 54 buah rumah setinggan dapat sebuah rumah ganti untuk membolehkan mereka hidup secara bermaruah.

"Bayaran paling lumayan diterima oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan penduduk-penduduk di kawasan itu pun dapat dibela (dengan rumah) ganti rumah," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Guan Eng bersama-sama Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir) turut menyaksikan majlis tandatangan Surat

Penyataan Hasrat (RFP) antara Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar selaku tuan tanah dan Datuk Hing Year Wah (Pengarah Urusan Tanjung Villa).

Hadir sama, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee.

Guan Eng memberitahu, projek tersebut terdiri oleh 241 unit pangaspuri kos sederhana rendah berkeluasan lantai 1,000 kaki persegi dengan harga RM400,000, 161 unit berkeluasan lantai 900 kaki persegi (RM300,000) dan 80 unit unit berkeluasan lantai 800 kaki persegi (RM200,000), serta 321 unit pangaspuri kos rendah dengan keluasan lantai 700

kaki persegi berharga RM72,500.

Terdahulu, Kerajaan Negeri melalui PDC telah mengemukakan RFP, dengan beberapa syarat mulai 21 Julai hingga 3 September tahun lepas.

Sejumlah sembilan syarikat pemaju memberikan maklum balas, sebelum Kerajaan Negeri meluluskan penganugerahan RFP kepada Tanjung Villa pada 14 Januari lalu.

Tambah Guan Eng, projek pembangunan di atas tanah seluas 4.23 ekar tersebut dijangka memberikan nilai kompetatif, memandangkan lokasinya menghampiri dalam lingkaran pusat bandaraya George Town serta Komtar yang kini sedang mengalami proses pemuliharaan fizikal fasa lima.

JKKK perlu kekal aktif bantu rakyat – TKMI

Oleh : WATAWA

N A T A F
ZULKIFL

Gambar :
A L I S S A L A
T H I A N

P A N T A I
J E R E J A K

– Seramai 88 individu pelbagai bangsa dan keturunan daripada keluarga kurang mampu sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Jerejak menerima sumbangan Ramadan dan Aidilfitri baru-baru ini.

A D U N n y a , Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan kerajaan yang dinamik dalam membantu rakyat yang menghadapi tekanan kos sara hidup yang kian meningkat kini.

"Kerajaan Negeri melalui Exco dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang dilantik sentiasa menjalankan 'kajian' dari masa ke masa berhubung inisiatif bagi meringankan beban rakyat dan sumbangan ini merupakan sebahagian daripadanya."

"Serentak itu, saya juga menyeru semua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) terutamanya di DUN Pantai Jerejak supaya kekal aktif sepanjang masa dalam membantu rakyat.

"Ini termasuk, sekiranya terdapat



MOHD. Rashid Hasnon (kiri sekali) menyampaikan baucar dan bungkus kurma kepada sebahagian penerima pada Majlis Penyampaian Bantuan Sumbangan Ramadan dan Aidilfitri DUN Pantai Jerejak di sini baru-baru ini.

ibu tunggal atau golongan-golongan tertentu yang memerlukan peralatan bagi meningkatkan pendapatan masing-masing seperti ketuhar, mesin jahit dan sebagainya agar datang ke Pusat Khidmat DUN Pantai Jerejak bagi perbincangan lanjut," katanya pada Majlis Penyampaian Bantuan Sumbangan Ramadan dan Aidilfitri DUN Pantai Jerejak di sini baru-baru ini.

Bantuan yang diberikan adalah berupa baucar membeli-belah tunai bernilai RM100 dan bungkus kurma.

Sebelum itu, Mohd. Rashid turut menyampaikan barang keperluan harian serta sekampit beras hasil sumbangan Zakat Pulau Pinang (ZPP) kepada penerima-penerima terpilih.

Sumbangan Aidilfitri bantu golongan kurang bernasib baik

Oleh : AINUL WARDAH

SOHILLI

Gambar : AHMAD ADIL
MUHAMAD

GEORGE TOWN – Seramai 40 orang cacat penglihatan dari Persatuan Tongkat Putih (PTP) dan *Blind Advancement Services* (BAS) terpilih menerima hamper berupaya beras serta produk makanan asas dari Pusat Urus Zakat (PUZ) sempena Aidilfitri di sini baru-baru ini.

Majlis penyampaian tersebut disempurnakan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Menurut Abdul Malik, program tersebut telah dilaksanakan sejak tujuh tahun lalu dan memanfaatkan lebih 100 penerima sejak itu.

"Sumbangan turut merangkumi mereka yang mualaf dan mempunyai tanggungan lebih daripada seorang.

"InshaAllah, kita akan teruskan program pemberian hamper sempena Aidilfitri untuk tahun-tahun mendatang sebagai salah satu inisiatif membantu golongan kurang bernasib baik menguruskan perbelanjaan menjelang raya," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Aidilfitri di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, penerima, Abu Hassan Mahmud, 37, menzahirkan rasa gembira dan bersyukur kerana terpilih untuk menerima sumbangan tersebut buat tahun kedua berturut-turut.

"Seronok la, ada juga pihak bagi perhatian kepada kami yang cacat penglihatan ni (ini), rasa dihargai dan syukur sangat-sangat," katanya yang kini bekerja sebagai tukang urut di Persatuan Tongkat Putih kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Beliau hadir bersama-sama isteri, Nurenida Robi, 29, serta anak keduanya, Mohd. Arif Haiqal (18 bulan).



YUSOFF Jamaluddin (barisan belakang, dua dari kiri) bersama-sama ahli keluarganya merakam gambar kenangan dengan Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali) pada Majlis Penyampaian Sumbangan Aidilfitri di sini baru-baru ini.

Bagi penerima, Yusoff Jamaluddin, 45, beliau menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan PUZ atas keprihatinan terhadap golongan cacat penglihatan.

"Alhamdulillah, sekurang-kurangnya ringan sikit beban kami. Golongan OKU macam kami ni walaupun bekerja, tetapi pergerakan untuk ke sana sini agak terbatas," katanya yang hadir bersama isteri Norazlina Ramli, 28, dan dua anaknya.



ABU Hassan Mahmud bersama-sama isteri dan anaknya.

Asnaf, fakir miskin KADUN Batu Maung terima sumbangan Aidilfitri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

BAYAN LEPAS – Seramai 150 penerima memperoleh sumbangan sempena Aidilfitri pada Majlis Penyampaian Sumbangan Aidilfitri & Majlis Berbuka Puasa bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung yang diadakan di Masjid Jamek Sungai Tiram di sini baru-baru ini.

Pada majlis yang dianjurkan oleh Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung itu, para penerima menerima sebuah hamper berupaya makana asas seperti bihun, mi segera, makana dalam tin, minuman coklat, gula, kordial, teh dan biskut serta duit raya.

ADUNnya, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, sumbangan yang disumbangkan itu adalah bukti keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap mereka yang memerlukan terutama golongan yang berpendapatan rendah, fakir dan miskin serta ibu tunggal.



DR. Abdul Rahman Abbas (kiri sekali) bersalaman dengan sekumpulan jemaah cilik sejurus selesai solat maghrib berjemaah.

“Setiap tahun sejak tujuh tahun lalu, di bawah KADUN Batu Maung, kami akan memilih antara 100 hingga 150 orang dalam kalangan asnaf, orang miskin, ibu tunggal dan berkelayakan sebagai penerima.

“Tujuannya mudah, untuk meringankan beban yang ditanggung dan berkongsi kegembiraan menjelang hari raya.

“Rata-rata penerima melahirkan rasa syukur dan berterima kasih dengan



ABDUL Malik Abul Kassim (kanan sekali) menyerahkan hamper sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyampaian Sumbangan Aidilfitri & Majlis Berbuka Puasa di sini baru-baru ini.

sumbangana yang diberikan terutama ketika menjelangnya Aidilfitri, sekurang-kurangnya dapatlah meringankan beban yang ditanggung,” ucapnya yang juga merupakan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri

dan Hal Ehwal Pengguna pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas hadir menyempurnakan majlis penyampaian sumbangan serta turut meluangkan masa berbuka puasa dan menuaikan solat maghrib berjemaah.

Exco Kesihatan gesa Kementerian kaji risiko rokok elektronik 'vape'

Oleh : **WATAWA NATAF**
ZULKIFLI
Gambar : **ZAINULFAQAR**
YAACOB

PULAU BETONG – Kementerian Kesihatan digesa mengkaji risiko kegunaan rokok elektronik *vape* yang dikatakan mampu melaras naik kadar nikotin hingga membahayakan pengguna.

Menurut Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, kegunaan *vape* itu wajar dilihat menerusi perundungan jika nyata membahayakan pengguna.

“Jadi, kita tidak tahu, apabila seseorang pengguna itu melaras kadar nikotin yang tinggi, ianya boleh mengakibatkan masalah yang lebih serius kepada pengguna rokok elektronik berkenaan.

“Saya juga melahirkan kebimbangan jika *vape* ini mampu meningkatkan ketagihan anak muda pada tahap membimbangkan,” beliau berkata demikian kepada wartawan selepas menyertai Program Mengedar Kurma Tahun Ke-3 di Hospital Balik Pulau dan Klinik Kesihatan Teluk Bahang di sini baru-baru ini.

Afif dalam kenyataan berasingan turut mensyorkan Kementerian Kesihatan supaya menaiktaraf infrastruktur kesihatan sedia ada di Hospital Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) demi memenuhi khidmat kepakaran berwajib.

Bahkan, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya mengulangi sekali lagi komitmen Kerajaan Negeri untuk menawarkan tanah sekiranya Kerajaan Pusat bercadang untuk membina sebuah hospital awam yang baru di bahagian Seberang Perai.

Kementerian juga boleh mempertimbang untuk menaiktaraf perkhidmatan kepakaran di Hospital Kepala Batas, yang sebenarnya sangat diperlukan, khususnya oleh warga tempatan dari sekitar Seberang Perai.

“Kementerian juga boleh mempertimbang untuk menaiktaraf perkhidmatan kepakaran di Hospital Kepala Batas, yang sebenarnya sangat diperlukan, khususnya oleh warga tempatan dari sekitar Seberang Perai.

“Kerajaan Negeri bersedia menawarkan tapak di luar Hospital Pulau Pinang sekiranya Kerajaan Pusat bersedia untuk



DR. Afif Bahardin (berkot) menyantuni salah seorang pesakit pada Program Mengedar Kurma Tahun Ke-3 di Hospital Balik Pulau dan Klinik Kesihatan Teluk Bahang di sini baru-baru ini.


membina hospital yang baru di negeri ini,” ujar beliau selepas majlis mengagih sumbangan kurma kepada para pesakit dan kakitangan di Hospital Kepala Batas serta Klinik Kesihatan di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) (PPK) Bertam, Asrol Sani Abdul Razak dan Muhasdey Mohamad (PPK Pinang Tunggal) turut menyertai majlis ringkas tersebut yang disambut oleh Pengarah Hospital Kepala Batas, Dr. Norhaslina Baharkodin dan Dr. Adlina Bakar (Penaung Klinik Kesihatan Kepala Batas).



CONTOH rokok elektronik *vape* yang dikatakan mempunyai risiko lebih bahaya berbanding rokok biasa. (Sumber : Internet).

Petugas Jabatan Kecemasan Hospital Seberang Jaya terima juadah sahur



DR. Afif Bahardin (tengah) menyantuni salah seorang doktor bertugas di Jabatan Kecemasan Hospital Seberang Jaya selepas mengagihkan sejumlah juadah sahur kepada para petugas perubatan berkaitan di sini baru-baru ini.

Gambar & Teks : **ZAINULFAQAR**
YAACOB

SEBERANG JAYA – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin baru-baru ini mengagihkan sejumlah juadah sahur kepada doktor dan jururawat di Jabatan Kecemasan Hospital Seberang Jaya di sini.

Menurut Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan berkenaan, program seumpama itu adalah buat pertama kali dianjurkan oleh pejabatnya demi menghargai sumbangan para petugas perubatan berkaitan.

“Jika askar dihargai kerana jasa mereka bertahan di perbatasan tanah

air, para doktor dan jururawat Hospital Seberang Jaya khususnya di Jabatan Kecemasan ini juga sebenarnya memberi sumbangan seumpama itu di medan masing-masing, untuk kita hargai,” jelasnya kepada wartawan, selepas selesai mengagihkan sendiri juadah bersahur di sini baru-baru ini.

Hadir sama, bekas Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Abdul Jalil Che Ros.

Wakil Hospital Seberang Jaya dalam reaksi spontan merakamkan penghargaan atas inisiatif Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya itu, walaupun dihambat pelbagai program lain sepanjang bulan Ramadan kali ini.

KN komited turun jumlah kemalangan maut

Oleh : AHMAD ADIL MUHAMAD
Gambar : DARWINA MOHD.
DAUD

SUNGAI DUA — Kempen Balik Kampung Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2015 bertemakan 'Nyawa Dihargai, Selamat ke Destinasi, Kemerahan Dirasai' yang dilancarkan di Plaza Tol Sungai Dua di sini baru-baru ini adalah bertujuan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya menjelang sambutan berkenaan.

Program anjuran Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Negeri Pulau Pinang itu meliputi empat pendekatan utama iaitu pendidikan, penguatkuasaan, pencegahan serta pemantauan dan penilaian.

Exco Kerja Raya, Utiliti & Pengangkutan merangkap Pengurus JKJR, Lim Hock Seng memberitahu, sekiranya tiada program keselamatan jalan raya yang menyeluruh dilaksanakan, dijangka jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya menjelang tahun 2020 adalah 10,716 kes.

"Jangkaan ini adalah berdasarkan analisa tren terdahulu. Berdasarkan tren ini, pada tahun



SALAH seorang kakitangan JKJR memakaikan rompi keselamatan kepada penunggang motosikal.

2015, dijangkakan akan terdapat kematian akibat kemalangan jalan raya sebanyak 8,760 kes.

"Namun, bagi negeri Pulau Pinang, jumlah kematian akibat kemalangan ini (maut) dilihat semakin menurun dari tahun ke tahun iaitu 400 kematian dilaporkan pada tahun 2012, 381 kematian (2013) dan 377 (2014)," ujarnya ketika hadir melancarkan kempen berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah JKJR Negeri, Muhamad Husni Mahmud serta Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri, Mohd. Shoki Hamzah.

Mengulas lanjut, Hock Seng memberitahu bahawa Kerajaan Negeri turut mengambil inisiatif bagi menjamin penurunan jumlah kematian akibat



LIM Hock Seng (berkemeja lengan panjang) memakaikan topi keledar yang menepati piawaian SIRIM kepada salah seorang penunggang motosikal sambil diperhatikan Muhamad Husni Mahmud (empat dari kiri) pada Majlis Pelancaran Kempen Balik Kampung Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2015 di Plaza Tol Sungai Dua di sini baru-baru ini.

kemalangan di negeri ini berkekalan.

"Pada 5 Jun lepas, Kerajaan Negeri telah melancarkan Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang Tahun 2014 - 2020 yang mengandungi empat tonggak utama iaitu data dan maklumat yang membantu, perubahan sikap, jalan raya yang memaafkan dan peningkatan keselamatan penunggang motosikal.

"Melalui pelan ini, adalah dijangkakan jumlah kematian akibat kemalangan di negeri ini akan menurun sebanyak 10 peratus pada setiap tahun," ujar beliau.

Bersempena program berkaitan, JKJR dan MKJR telah menyumbangkan 50 unit topi keledar menepati piawaian SIRIM, rompi keselamatan (50), pelekat pantulan cahaya (500), beg cenderamata yang mengandungi risalah kempen (500), hamper perayaan (10) dan minyak pelincir Pertonas tajaan Petronas Lubricant Marketing Malaysia (10 karton) kepada pengguna jalan raya.

Kanak-kanak istimewa pilih sendiri baju raya sambut 1 Syawal

Teks & Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD



DR. AFIF BAHARDIN (kanan sekali) mengenakan sehelai baju kepada salah seorang kanak-kanak menerusi penganjuran program sumbangan khas pejabat beliau dan Sunway Carnival di sini baru-baru ini.

bahawa daripada jumlah keseluruhan, Sunway Carnival menaja sebanyak RM50 dalam bentuk baucer dan baki sumbangan adalah menggunakan peruntukan beliau.

Selepas membeli-belah, golongan kanak-kanak istimewa tersebut dibawa berbuka puasa di Sunway Convention Center yang turut dihadiri Pengurus Besar Hotel Sunway, Ben Ho.



TIGA kanak-kanak kelihatan ceria dengan pilihan masing-masing.

Mydin teruskan tradisi kurang beban golongan kurang mampu

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : ALISSALA THIAN



(Barisan ketiga, dari kanan), AZMIN Saduruddin, Saduruddin Gulam Husen, Mohd. Rashid Hasnon dan Abdul Malik Abul Kassim bergambar kenangan bersama-sama para penerima pada Majlis Berbuka Puasa Anjuran Pasar Raya Mydin Cawangan Bukit Jambul di sini baru-baru ini.

BAYAN BARU — Seramai 112 penerima sumbangan yang terdiri daripada 29 anak yatim, golongan kurang mampu (78) dan mangsa kebakaran (5) dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung diraikan dalam Majlis Berbuka Puasa Anjuran Pasar Raya Mydin Cawangan Bukit Jambul di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar Mydin Wilayah Utara, Azmin Saduruddin berkata, penganjuran tersebut memasuki tahun ke-lima.

"Selain keluarga kurang mampu, kami (Mydin) juga menjemput lima mangsa kebakaran di Kampung Baru, Sungai Ara untuk turut serta dalam majlis ini.

"Diharapkan sumbangan yang diberikan dapat meringankan beban pada Syawal kelak," katanya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Pengarah Urusan Mydin Bahagian Utara, Dr. Saduruddin Gulam Husen.

Dalam pada itu, Abdul Malik yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung



SEBAHAGIAN penerima menunjukkan barang dan baucer yang diterima.

Transformers 'beraya' di P. Pinang sasar 100,000 pengunjung

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

SUNGAI PUYU — Pameran terbesar beberapa replika robot *Transformers* seperti '*Optimus Prime*' dan '*Bumblebee*' yang diadakan secara percuma di Padang Kota selama dua bulan mulai 10 Julai hingga 17 September depan diharap menggantit 100,000 pengunjung ke negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sasaran tersebut boleh dicapai memandangkan penganjuran ekspo terbuka itu diadakan menjelang Hari Raya Aidilfitri, serta serentak dengan berlangsungnya promosi Tahun Melawat Pulau Pinang dan Tahun Melawat Malaysia 2015.

"Kita (Kerajaan Negeri) anjur secara percuma supaya pengunjung yang sedia terbeban oleh kejatuhan nilai mata wang, kos sara hidup tinggi,

kontroversi isu 1MDB (1Malaysian Developement Berhad) hingga tidak cukup wang untuk berjalan-jalan pada musim perayaan ini, masih boleh membawa anak-anak dan keluarga masuk ke Pameran Awam Transformers Pertama di Asia Tenggara di negeri ini.

"Walaupun kita tahu realiti kehidupan rakyat untuk berbelanja makan angin agak susah sekarang, kita harap ekspo ini masih boleh terima 100,000 pengunjung dan pelancong," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan kepada wartawan, selepas berucap pada Jamuan Berbuka Puasa Di Taman Selayang Permai di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu merangkap Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Lim Hock Seng (ADUN Bagan Jermal merangkap Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti) serta



KETUA MENTERI dan Lim Hock Seng (kiri sekali) bersama-sama ahli jawatankuasa dan penduduk setempat menjamu juadah pada Jamuan Berbuka Puasa Di Taman Selayang Permai di sini baru-baru ini.

Tony Phua (Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Selangor) turut serta majlis tersebut.

Sebelum itu, Boon Poh dalam ucapannya turut merakamkan penghargaan kepada Pengarah Urusan Syarikat Usahasama Restoran Subaidah, Jahabudin Dato' Abdul Aziz yang menyumbang 150 baucar raya yang masing-masing bernilai RM100 kepada golongan setempat terpilih.

Beliau turut menggesa golongan terpilih yang layak supaya segera memohon skim Bantuan Orang Tua (BOT) dan Bantuan Kanak-Kanak (BKK) yang

disediakan oleh Kerajaan Negeri, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Warga emas yang tinggal sebatang kara layak mendapat BOT RM300 tiap-tiap bulan, manakala anak-anak yang dipelihara oleh ibu tunggal layak dapat RM100 BKK bagi tiap-tiap orang dengan jumlah bantuan bulanan maksimum adalah RM450.

"Saya raya agar mereka yang layak segera memohon, supaya tiada sesiapapun tercicir daripada bantuan 'kasih sayang' yang disediakan oleh Kerajaan Negeri," ujar Boon Poh.

Harap Pusat serius PR1MA di P. Pinang, rakyat negeri berhak

Oleh : **WATAWA NATAF**
ZULKIFLI
Gambar : **DARWINA MOHD.
DAUD**

GEORGE TOWN — Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, mengecam kenyataan Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang, Datuk Seri Zainal Abidin Osman yang disiarkan dalam akhbar berbahasa Inggeris bertarikh 28 Jun lalu.

Dalam laporan tersebut, Zainal Abidin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak meluluskan permohonan projek pemajuan perumahan mampu milik daripada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti JKP Sdn. Bhd. (JKP) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA).

Malah, Jagdeep memberitahu, laporan tersebut turut menyatakan kenyataan Zainal Abidin bahawa sekiranya permohonan projek-projek tersebut tidak diluluskan, maka perumahan mampu milik di bawah projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) tidak akan dibina di Pulau Pinang.

"Berkenaan isu ini, pertamanya, ingin saya nyatakan bahawa tohmannan kegagalan Kerajaan Negeri meluluskan projek pemajuan perumahan mampu milik oleh agensi-agensi persekutuan seperti JKP dan PERDA adalah suatu isu lama yang dikitar semula.

"Dakwaan tersebut tidak tepat sama sekali dan saya sudahpun menjawab ia sejak Oktober 2014. Bagi rekor, yang pertamanya, berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Zainal Abidin, beliau sendiri tidak menafikan bahawa projek pembangunan yang dicadangkan bukan perumahan mampu milik yang mana harga

unitnya adalah setinggi RM1.85 juta di bahagian pulau dan RM800,000 (Seberang Perai) yang mana melebihinya had siling rumah mampu milik," tegas Jagdeep pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, ADUN Bukit Tengah, Ong Chin Wen dan Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

Menurut Jagdeep, sekiranya Zainal Abidin menuduh Kerajaan Negeri sebagai tidak memberi kerjasama, bagaimana pembangunan di Kampung Pisang Awak, Jelutong di bawah JKP yang merangkumi 192 unit rumah kos rendah; kos sederhana rendah (192) dan mampu milik (382) berjaya diselesaikan bersama-sama isu settingan.

Berhubung PR1MA, Jagdeep turut mempersoalkan maklumat balas yang diberikan Zainal Abidin melalui akhbar berbahasa Inggeris berhubung pelaksanaan PR1MA fasa tiga.

"Berkenaan isu PR1MA, merujuk kepada pertanyaan saya berulang kali yang dinyatakan iaitu mengapa PR1MA belum dibina di negeri Pulau Pinang?, Persekutuan menyatakan bahawa pihaknya masih dalam proses mengenalpasti tapak yang sesuai untuk didirikan PR1MA di negeri ini.

"Saya berharap Kerajaan Persekutuan tidak mempermudahkan isu ini dan lebih serius memandangkan Pulau Pinang merupakan negeri ketiga tertinggi membayar cukai iaitu berjumlah RM6.9 bilion dan berhak memperoleh projek PR1MA di sini," tegas beliau.

Tuah nelayan, awak-awak Tanjung Pinang menjelang Aidilfitri



SEBAHAGIAN nelayan dan awak-awak merakam gambar kenangan bersama-sama Dr. Afif Bahardin (berbau Melayu) pada Majlis Penyampaian Bayaran Saguhati Kepada Nelayan Yang Terlibat Dengan Penambakan Projek STP2 di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

TANJUNG BUNGAH — Sejumlah RM2.402 juta diagihkan kepada 213 nelayan dan awak-awak yang terkesan oleh penambakan Projek Seri Tanjung Pinang Fasa 2 (STP2) di Tanjung Tokong, di sini baru-baru ini.

Agihan tersebut adalah melibatkan keahlian dari empat unit persatuan nelayan iaitu Tanjung Tokong, Tanjung Bungah, Bagan Jermal dan Persiaran Gurney.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, semua 152 nelayan dan 61 awak-awak yang terkesan oleh STP2 masing-masing menerima saguhati berjumlah antara RM12,000 hingga RM15,000 bagi pemilik bot, serta awak-awak (RM2,000).

"Pemberian saguhati ini adalah wajar dan tepat pada masanya memandangkan nelayan-nelayan dan awak-awak terabit sempat menerima bayaran saguhati masing-masing sebelum sambutan Aidilfitri.

"Pemberian ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri dan juga pihak pemaju iaitu Kumpulan Eastern & Oriental (E&O) Berhad untuk mengurangkan kesan negatif Projek STP2," ujarnya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Bayaran Saguhati Kepada Nelayan Yang Terlibat Dengan Penambakan Projek STP2 di sini baru-baru ini.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Datuk Abu Jamal Nordin, Datuk Azizan Abdul Rahman (Pengerusi Kumpulan E&O Berhad) dan Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Cawangan Pulau Pinang, Raja Khalid Raja Ariffin turut sama hadir pada majlis penyampaian tersebut.

Ketika diajukan pertanyaan tentang sekumpulan 50 nelayan dari Tanjung Tokong yang tidak berpuas hati kerana gagal menerima pampasan daripada pihak pemaju, Afif

menyatakan bahawa Kerajaan Negeri dan pihak pemaju sentiasa mengamalkan sikap keterbukaan.

"Mereka (kumpulan nelayan tersebut) boleh terus hubungi pemaju, LKIM Cawangan Pulau Pinang atau Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut supaya dapat berbincang dan mencari penyelesaian segera. Lagipun projek tersebut belumpun bermula," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya.

Dalam pada itu, Raja Khalid memberitahu, pihaknya telah menyediakan senarai pendek para nelayan yang aktif dan mengambil minyak dari tahun 2013 sehingga kini.

"Dari senarai itu, kami (LKIM) dapat membuat kesimpulan sama ada nelayan tersebut aktif atau tidak, turun ke laut ataupun tidak.

"Mereka yang tidak tersenarai sebagai penerima saguhati adalah disebabkan, sama ada mereka ini tidak berdaftar, tidak aktif atau tidak mengambil minyak yang disubsidi oleh Kerajaan Persekutuan," ujarnya ketika diminta mengulas perhubungan pemilihan nelayan dan awak-awak yang layak menerima sumbangan ekoran projek STP2.

Projek STP2 dijangka bermula awal tahun hadapan melibatkan pembinaan pulau baru, tiga lebuhraya utama dan sebuah terowong bawah dasar laut pertama di Malaysia.

Sebagai rekod, Pelan Induk Seri Tanjung Pinang mencadangkan pembangunan 980 ekar kawasan di luar pantai timur laut Tanjung Tokong secara berperingkat dalam tempoh 15 hingga 20 tahun mengikut Perjanjian Konsesi 1990 antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri pada masa itu.

Walau bagaimanapun, rentetan krisis kewangan Asia pada tahun 1998, projek penambakan laut tersebut dihentikan dan menjadi kawasan tebus guna terbiar yang dapat dilihat dengan jelas dari Persiaran Gurney.

Pada tahun 2003, E&O mengambil alih dengan mengatur pembangunan semula yang meliputi rumah-rumah kediaman dan hartanah komersial.

Tindakan tegas terhadap pencemar Sungai Dondang - Exco

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : LAW SUUN TING

PAYA TERUBONG – Kerajaan Negeri nekad mengambil tindakan tegas terhadap pelaku yang didapati mencemarkan Sungai Dondang di sini sehingga menyebabkan kematian pelbagai hidupan marin baru-baru ini.

Kejadian tersebut dikesan hasil daripada maklum balas penduduk yang menemui bangkai-bangkai ikan seperti haruan, talapia dan lain-lain spesies (ikan) di bahagian hulu sungai pada 22 Jun lalu.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) kini sedang menjalankan siasatan dan akan meneliti keputusan diperoleh berdasarkan sampel air yang diambil.

"Tindakan tegas termasuk membatalkan lesen operasi industri terhadap kilang-kilang berhampiran sungai turut akan diambil sekeranya

siasatan mendapati pihak berkaitan sebagai punca utama pencemaran.

"Malah, sebagai tindakan lanjut, saya akan mengarahkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di sini supaya menjadikan Sungai Dondang sebagai sungai angkat," katanya ketika mengadakan lawatan ke Sungai Dondang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin, Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Ang Aing Thye, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Kapten (B) Ir. Anuar Yahya, Jurutera Pejabat Daerah Timur Laut, Haslinda Mohd. Hamran dan Pengarah JAS Pulau Pinang, Nor Hayati Yahaya.

Dalam pada itu, Nor Hayati memberitahu, hasil siasatan pihaknya mendapati bahawa sampel dari lembangan sungai A dan C adalah dalam keadaan baik, iaitu mencatatkan bacaan



CHOW Kon Yeow (kanan) sambil ditemani salah seorang penduduk memerhatikan bangkai-bangkai ikan yang mati dipercayai berpunca daripada pencemaran Sungai Dondang di sini baru-baru ini.

enam pada skala pH.

"Kita akan lebih fokus kepada lembangan sungai B, iaitu lokasi di mana ikan-ikan ditemui mati.

"Sampel sungai B telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa dan keputusan bakal diperoleh dalam tempoh terdekat," jelas beliau.

Serentak itu, Anuar mengesyorkan orang awam yang mempunyai maklumat berhubung sebarang aktiviti pencemaran sungai di Pulau Pinang supaya menghubungi JPS di talian, 04-650 5145.

Sungai Dondang merupakan saliran yang mengalir terus ke Sungai Pinang dan merupakan antara sungai terpenting di bahagian pulau negeri ini.

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan, Kon Yeow menyatakan bahawa pihak JPS dan JAS telah membuat siasatan di tapak dan mengambil sampel air berhubung aduan umum bahawa terdapat banyak ikan mati di Sungai Bayan Lepas pada 12 Julai lalu.

"Sampel air perlu dihantar ke makmal untuk membuat kajian dan ia akan mengambil selama dua minggu untuk mendapat keputusan.

"Mengikut JAS, spesis ikan mati adalah jenis Belanak yang hidup di muara. Kejadian ini berlaku berkemungkinan disebabkan oleh pencemaran dari muara sungai dan air pasang telah menolak ikan mati ke hulu sungai," jelas beliau.



SUASANA dan keadaan Sungai Dondang.

Subsidi air rakyat 12.5 kali ganda berbanding PBAPP taja FAP - Jaseni

PINJAMAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG SESI 2015 / 2016

Permohonan boleh dibuat melalui **online** mulai 1 Jun 2015 hingga 30 Ogos 2015

<https://epp.penang.gov.my>

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Unit Pinjaman Penutup
Bahanan Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG
Tel: 04-6505165/5391/5541/5599/5627
Faks: 04-2613453

Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang.

Sijil Diploma Ijazah Sains Ijazah Sastera Sarjana PhD

Oleh : Azmi Husin

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN – Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memperuntukkan subsidi sebanyak RM74.77 juta pada tahun 2014, iaitu 12.5 kali ganda besar berbanding tajaan berjumlah RM6 juta yang diterima oleh Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (PBAPP).

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa berkata, perangkaan tersebut sekaligus menggambarkan bahawa pentadbirannya tetap mengutamakan kepentingan pengguna terbanyak, sungguhpun pada masa sama PBAPP melakukan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di negeri ini.

Tambah beliau, RM74.77 juta itu memberi manfaat kepada 484,118 pengguna air domestik.

"Sebagai perbandingan, subsidi air domestik di 2014 adalah kira-kira 12.5 kali lebih tinggi pada angka RM74.77

juta.

"Oleh itu, tidak ada keraguan bahawa PBAPP adalah 'memberi' lebih banyak (manfaat) kepada semua isi rumah Pulau Pinang berbanding (CSR, RM6 juta) kepada FAP," jelasnya melalui kenyataan yang dikeluarkan di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, peruntukan subsidi sejumlah RM74.77 juta itu sekaligus membolehkan pengguna hemah terus kekal menikmati kadar air terendah berbanding negeri-negeri lain, iaitu RM0.32 bagi setiap 1,000 liter untuk 35,000 liter pertama tiap-tiap bulan.

Dalam perkembangan lain, beliau turut menafikan tuduhan pihak tertentu kononnya PBAPP menaikkan tarif air domestik hingga membebankan pengguna.

Jelasnya, mereka yang menggunakan air secara tidak berhemah sahaja akan berdepan dengan surc妖, demi memelihara bekalan air mentah dan air terawat di negeri ini pada masa depan.

PAH labur RM40 juta buka Pusat Onkologi

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **ALISSALA THIAN**

PULAU TIKUS – Sebuah pusat onkologi dengan nilai pelaburan kira-kira RM40 juta dibuka di Hospital Adventist Pulau Pinang (PAH) mulai 30 Jun lalu, dengan kerjasama dari Pusat Kanser Kebangsaan Singapura (NCCS).

"Orang ramai tertarik untuk mendapatkan rawatan kesihatan di Pulau Pinang disebabkan mutu perkhidmatan perubatan yang ditawarkan cukup berkualiti, harga yang begitu berpatutan, kemudahan komunikasi, keselesaan ruang rehat dengan peluang memulihkan semula kesihatan (pelancong perubatan) yang diyakini," ucapnya pada Majlis Pembukaan Pusat Onkologi Adventist (AOC) di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin turut menyertai majlis tersebut.

Memetik statistik Kementerian Kesihatan, Guan Eng menyatakan bahawa sebanyak RM730 juta pendapatan negara pada tahun lepas adalah diperoleh

daripada sektor pelancongan perubatan.

Di Pulau Pinang pula, beliau memberitahu, kira-kira 1,000 warga asing mendapatkan perkhidmatan kesihatan pada tiap-tiap hari, dengan anggaran 60 peratus mereka adalah pelancong perubatan.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif PAH, Dr. Wesley Toh See Wei dalam ucapannya memberitahu, penubuhan AOC adalah demi memastikan para pesakit kanser lebih menerima khidmat perundingan kepadaran.

"Onkologi dari NCCS juga akan menyediakan input bagi kebanyakan kes demi memastikan rancangan diagnosis dan rawatan yang kami lakukan senantiasa mengikut piawaian penjagaan kanser (yang diiktiraf) dunia," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada Guan Eng.

Justeru, tambah See Wei, AOC dilengkapi dengan *Synergy Linac System* (Linac), iaitu pemecut linear radioterapi maju.

"Linac boleh mengurangkan bilangan sel-sel sihat terjejas oleh radiasi kerana darjah ketepatan yang lebih tinggi dan jitu," jelas beliau.



KETUA MENTERI DAN DR. AFIF BAHARDIN (tujuh dari kiri) diiringi Dr. Wesley Toh See Wei (tujuh dari kanan) serta tetamu lain merakamkan gambar di pintu masuk utama AOC, PAH pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Bercakap pada majlis sama, Pengarah NCCS, Profesor Soo Khee Chee pula memberitahu, pihaknya tidak sabar untuk membawa keluar hasil kerjasama kepadaran perubatan jitu di AOC tersebut untuk diiktiraf di kedua-dua negara berkenaan, hatta ke peringkat dunia,

"Perkongsian ini adalah lebih bermakna kerana PAH bukan sahaja (pusat pakar kesihatan yang berorientasikan) keuntungan," kata Khee Chee.

Di Malaysia, 37,000 kes kanser direkodkan pada tahun 2012, berbanding 32,000 sahaja bagi tahun 2008.

Angka itu, dijangka akan terus meningkat pada 56,900 pada tahun 2025 nanti.

Agenzi Kaji Selidik Kanser Antarabangsa (IARC) mendedahkan, sebanyak 20,100 kematian direkodkan akibat sakit barah pada tahun 2008, dan meningkat pada angka 21,700 kematian pada tahun 2012.

Teater Muzikal P. Ramlee sempena GTF 2015

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **CHAN LILIAN**

GEORGE TOWN – Penganjuran George Town Festival (GTF) atau Festival George Town 2015 pasti berbeza dengan penampilan sebuah teater muzikal unggul, Teater Muzikal P. Ramlee berjudul 'Dari Pulau Pinang ke Singapura' sebagai tribute khas lagenda seni tanahair, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Teater terbitan Enfiniti Vision Media Sdn. Bhd. tersebut bakal menampilkan kolaborasi terbaik gandingan Datin Sri Tiara Jacquelin sebagai Norizan, Tony Eusoff (P. Ramlee), Nadia Aqilah (Saloma) dan Datuk Aznil Nawawi (D' Harris) sebagai pendukung watak utama.

Pengarah GTF, Joe Sidek melahirkan rasa gembira dan bersyukur kerana hasratnya untuk membawa 'masuk' teater seni bertaraf antarabangsa berkaitan akhirnya terlaksana.

"Saya begitu teruja apabila Datin Sri Tiara (Tiara) dan krew produksi beliau sudi bergandingan dalam penganjuran GTF dan pastinya kali ini menjanjikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan."

"Tahun demi tahun, kita (pihak penganjur) cuba untuk menampilkan kelainan dan menyokong hasil karya kesenian bukan sahaja daripada artis-artis tempatan, tetapi juga antarabangsa.

"Begini juga GTF kali ini, kita menampilkan pelbagai persembahan, pertunjukan dan pameran bermula dari 1 hingga 31 Ogos nanti," katanya pada sidang media pengumuman rakan kongsi utama dan acara kemuncak utama GTF di sini baru-baru ini.

Turut hadir mempergerusikan sidang media berkaitan adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim



(Dari kiri), MOHD. Effendi Norwawi, Tiara Jacquelin, Ketua Menteri Tony Eusoff dan Joe Sidek menunjukkan tanda bagus selepas selesai pengumuman siri jelajah Teater Muzikal P. Ramlee berjudul 'Dari Pulau Pinang ke Singapura' pada sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng.

Dalam pada itu, Joe Sidek turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Ketua Menteri atas sumbangan dan sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam merealisasikan sambutan GTF sejak tahun 2008.

"Kami sebagai pengangur amat terharu dengan sokongan Kerajaan Negeri dan berterima kasih atas kebebasan yang diberikan untuk kami berkarya dan menjadi lebih kreatif di Pulau Pinang.

"Saya yakin dan jamin, kami akan terus meraikan kreativiti seni selagi adanya sokongan Kerajaan Negeri dan juga penyertaan rakan-rakan kongsi," ujar beliau.

Dalam pada itu, ketika bercakap kepada pemberita, Tiara yang juga merupakan penerbit Teater Muzikal P. Ramlee melahirkan rasa teruja apabila diberi peluang untuk mempersembahkan karyanya di Pulau Pinang.

Beliau yang hadir bersama suaminya, Tan Sri Datuk Seri Mohd. Effendi Norwawi menyifatkan peluang untuk mengadakan pementasan di tempat kelahiran Seniman Agung itu adalah sangat

mencabar.

"Bukan mudah apabila hasil karya Tan Sri P. Ramlee dipentaskan di Pulau Pinang, tempat kelahiran beliau. Bagaimanapun, saya yakin, kami di pihak produksi sangat gembira untuk berkongsi kriteria figura istimewa ini yang memberi impak besar terhadap industri perfilman dan hiburan tanah air.

"Pementasan kali ini akan lebih berbeza dari segi interpretasi dalam setiap dinamika watak, tak sabar rasanya untuk menghiburkan penonton di sini dan Pulau Pinang adalah destinasi pertama kami dalam siri jelajah Teater Muzikal P. Ramlee, 'Dari Pulau Pinang ke Singapura', jelasnya.

Bagi Tony Eusoff, peluang membawa watak penting itu dilihat sebagai pengalaman yang cukup indah dalam perjalanan karier seninya.

"Sasaran peribadi saya pastinya mahu memberi persembahan terbaik dalam menyempurnakan watak Tan Sri P. Ramlee. Penonton pasti terhibur," katanya ringkas.

Teater berkennaan bakal dipentaskan pada 28 hingga 30 Ogos 2015 di Dewan Sri Pinang.

Harga tiket adalah bermula dari RM83. Ia boleh didapati di kaunter *Penang Evolution Music House*, Plaza Gurney atau secara atas talian di www.ticketpro.com.my atau hubungi +603 - 6142 9877. Harga tiket adalah tertakluk pada terma dan syarat.

Untuk senarai penuh aktiviti seni sepanjang GTF 2015, sila layari laman sesawang di www.georgetownfestival.com.

Dodol Tepung Jawi meriahkan Aidilfitri Kg. Cherok To'Kun

RESEPI WARISAN... Bagi memeriahkan sambutan Aidilfitri tahun ini, muda-mudi Kampung Cherok To'Kun bergotong-royong 'menyiapkan' sajian resepi turun-temurun, Dodol Tepung Jawi di perkarangan Galeri Pejuang di sini baru-baru ini.

Pemilik resepi berkaitan, Suhaimi Sahid, 35, berkata, beliau mempelajari cara memasak dodol tersebut daripada arwah emak beliau.

"Resepi ini merupakan peninggalan arwah nenek sebelum diturunkan (kepada saya) semasa saya membantu arwah emak menghasilkan dodol untuk dijual," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Dodol Tepung Jawi diperbuat daripada tepung jawi yang dimasak bersama gula melaka, malah santan yang digunakan juga dimasak sambil dikacau sehingga kental.



SUHAIMI SAHID (kanan sekali) bersama-sama beberapa penduduk Kampung Cherok To'Kun gigih mengacau dodol yang dimasak di perkarangan Galeri Pejuang di sini baru-baru ini.

Mangsa kebakaran dapat sumbangan peribadi ADUN

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
 Gambar : **VICTOR SEOW KOO TATT**

DATUK KERAMAT- Nasib mangsa kebakaran di Jalan P. Ramlee, Mariam Che Mat dan Hasan Sulaiman, masing-masing, 67, yang tinggal sehelai sepinggang memperoleh perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

ADUNnya, Jagdeep Singh Deo ketika ditemui berkata, bantuan kewangan berjumlah RM1,500 dari Kerajaan Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telahpun disalurkan kepada mangsa sebelum ini.

"Selain itu, saya akan cuba memohon RM5,000 daripada Zakat Pulau Pinang (PUZ) dan Tabung Bencana Yang diPertua Negeri (TYT) bagi membantu meringankan beban mangsa," ujarnya yang turut menyumbangkan sumbangan peribadi berjumlah keseluruhan RM10,000 kepada mangsa-mangsa

bekaitan.

Dalam a m kejadian pada 29 Jun lalu, seramai 32 ahli bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Perak dan Bomba Sukarela dengan lima kenderaan terlibat dalam proses pemadam am api yang telah memusnahkan dua buah kediaman di sini.

Dalam pada itu, Mariam menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana membantunya mendapatkan satu unit rumah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Free School di sini selepas kejadian berkaitan.

"Alhamdulillah, terima kasih kepada YB (Jagdeep) dan Kerajaan Negeri kerana membantu kami mendapatkan rumah sekaligus



MARIAM Che Mat memerhatikan keadaan rumahnya yang musnah dijilat api dalam kejadian kebakaran pada 29 Jun lalu.

meringankan bebanan kami sekeluarga.

"Saya tinggal bersama-sama seorang anak perempuan dan seorang anak lelaki, tetapi masa kejadian, kedua-dua mereka keluar bekerja dan saya sempat mlarikan diri," jelas beliau.

Sejurus itu, Mariam turut meluahkan kegusarannya apabila memikirkan masa depan mereka sekeluarga.



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada Hasan Sulaiman (kiri sekali) ketika mengadakan lawatan ke lokasi kejadian di sini baru-baru ini.

"Anak lelaki saya bakal melangsungkan perkahwinan pada bulan 10 (Oktobre) ini, habis semua persiapan perkahwinan termasuk hantaran dan kelengkapan pengantin hangus terbakar," ujarnya sayu.

Bagi Hasan, beliau menyatakan bahawa keluarganya telah berpindah dari rumah (yang terlibat dalam kebakaran) tersebut sejak tahun lalu.

"Tetapi, saya masih menggunakan rumah tersebut untuk menyimpan barang-barang saya," jelasnya.

Terdahulu, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh turut mengunjungi mangsa dan menyampaikan sumbangan bencana pada hari kejadian.

84 pelajar KADUN Bt. Maung terima bantuan biasiswa kecil KN

Gambar : **ADUN**

BATU MAUNG -

Seramai 84 pelajar mewakili lima sekolah menengah sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung menerima Bantuan Biasiswa Kecil Negeri (BBKN) di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, sejak 2013, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan kira-kira RM2 juta setahun bagi membantu membiayai keperluan belajar pelajar-pelajar kurang mampu terpilih dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima di seluruh Pulau Pinang.

"Malah, jumlah pemberian biasiswa ini juga telah dinaikkan ke RM600 setahun bagi pelajar menengah rendah (Tingkatan 1-3) dan RM840 bagi pelajar menengah atas (Tingkatan 4-5) bagi menampung keperluan pembelajaran termasuk memberi buku kerja, buku rujukan serta sebagainya," ucapnya pada Majlis Penyerahan Cek Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang Peringkat KADUN Batu Maung di sini baru-baru ini.

Antara sekolah yang terlibat adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu Maung, SMK Sungai Ara, SMK Teluk Kumbar, SMK Teluk Kumbar II dan SMK Bayan Lepas.

Mengulas lanjut, Abdul Malik berharap



ABDUL Malik Abul Kassim (enam dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama para penerima pada Majlis Penyerahan Cek Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang Peringkat KADUN Batu Maung di sini baru-baru ini.

bantuan berkenaan dapat menyentik semangat pelajar-pelajar berkenaan untuk mencapai rekod cemerlang dalam akademik.

"Biasiswa ini merupakan salah satu usaha murni Kerajaan Negeri membantu meningkatkan kecemerlangan dalam kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang kurang berkemampuan."

"Diharap pihak sekolah yang hadir dapat sama membantu pelajar-pelajar ini dan terus menyentik semangat untuk berjaya," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Sebagai rekod, pemilihan penerima adalah diproses melalui sistem atas talian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berdasarkan merit, kedudukan kewangan keluarga dan kegiatan ko-kurikulum pelajar. Manakala, Jabatan Pendidikan Pulau Pinang (JPPP) akan memperakurkan senarai nama pelajar yang layak menerima bantuan tersebut kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan.



Rasuah dan kronisme: bagai isi dengan kuku

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI & STEVEN SIM CHEE KEONG**
Ahli Parlimen Bukit Bendera
merangkap Pengarah
Eksekutif Penang Institute &
Ahli Parlimen Bukit Mertajam

BERIKUTAN Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama pada tahun 1965, Majlis Amanah Rakyat (Mara) telah ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun melalui Akta Parlimen. Majlis amanah yang diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah itu diberi kepercayaan untuk “memajukan, menggalakkan, memudahkan serta menjalankan pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan”[1] dengan tumpuan khusus kepada Bumiputera dan kawasan luar bandar.

Pada tahun 2008, sebagai sebahagian daripada usaha mempelbagaikan portfolionya, Mara menubuhkan sebuah anak syarikat milik penuh yang dikenali sebagai Mara Incorporated (Mara Inc) sebagai pemacu untuk menjalankan pelaburan strategik dan aktiviti komersil, khususnya menerusi pengurusan, pelaburan dan pembangunan harta tanah. Sehingga kini, aset luar negara dilaporkan bernilai RM600 juta, termasuk empat harta tanah di Melbourne, Australia dan tiga di London, United Kingdom.

Walau bagaimanapun, dalam usaha pengembangan mereka selama ini, Mara tidak terlepas daripada dakwaan rasuah dan salah urus yang berterusan. Sebagai contoh, kontroversi beberapa tahun yang lalu berikutkan tindakan Mara membeli beberapa harta tanah mahal di London, termasuk Hotel Ashley berhampiran Paddington Station, Atelier EC1, yang merupakan sebuah service apartment, serta Beaumont House, asrama pelajar di barat pusat bandar London. Selain daripada harta tanah di London yang didakwa dibeli pada harga yang terlebih tinggi, Mara juga membina portfolio bangunan bernilai lebih AUD80 juta (RM230 juta) di Melbourne. Bangunan-bangunan ini kini menjadi tumpuan antarabangsa kerana keraguan yang timbul akibat penglibatan syarikat luar pesisir (offshore companies) dalam urusniaga tersebut.

Selain pembelian harta tanah asing yang berkontroversi, Laporan Ketua Audit Negara 2013 telah menjumpai pertikaian dalam proses perolehan Mara yang berjumlah sebanyak RM124.55 juta. Pada tahun yang sama, dua pegawai kanan Mara, iaitu Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan Pelajaran Mara, Datuk Dr Abdul Shariff Hamid, yang juga bekas setiausaha Kelab Umno Luar Negara, serta pengurus program Zainal Rashid Zakaria telah disabitkan atas pemalsuan berkaitan dengan tuntutan berjumlah RM304.650. Pada tahun ini pula, empat pegawai Mara didakwa di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur kerana tuntutan perjalanan palsu yang berjumlah puluhan ribu ringgit.

Adakah skandal Dudley House hanya akibat salah faham?

Dalam skandal yang terbaru, akhbar harian Australia The Age baru-baru ini mendakwa Mara telah membeli Dudley House, sebuah asrama pelajar di Melbourne, pada tahun 2013 pada harga yang terlampaui tinggi – AUD22.5 juta (RM65 juta), apabila harga pasaran untuk harta tanah itu hanya AUD17.8 juta (RM51.6 juta). Jadi mengapa Mara terlebih bayar?

Menurut The Age, pengurus Mara Inc, Datuk Mohammad Lan Allani, ketika disoal memberi

Serambi PENANG
INSTITUTE
making ideas work

maklum balas dengan mengatakan beliau tidak boleh ingat butir-butir perjanjian Dudley House, walaupun hanya setahun lalu beliau telah melawat harta tanah tersebut bersama dengan Pengurus Mara Tan Sri Annuar Musa serta CEO Mara Inc Dato' Abdul Halim Rahim.

Malah, menurut satu kenyataan di laman web Konsulat Malaysia di Melbourne, rombongan Mara yang melawat ke sana telah “memeriksa harta tanah penginapan pelajar di 746 Swanston dan di Dudley International House Caulfield... dua harta tanah yang baru dibeli....” Tambahan kepada lawatan itu, kumpulan itu juga telah diberi taklimat berkenaan “pasaran harta tanah di Australia.”[2]

Berdasarkan ini, adalah jelas pengurusan Mara sedar sepenuhnya mengenai urusniaga tersebut. Malah, dalam satu sidang akhbar yang diadakan sehari selepas berita itu dilaporkan dalam The Age, pengurus Mara Tan Sri Annuar menjelaskan bahawa mereka tidak menganggap harganya terlalu tinggi, dan sebenarnya percaya harga tersebut “di bawah kadar pasaran.” Jika benar begitu, maka terdapat kemungkinan pengurusan Mara telah disalah-maklum, atau kajian terperinci tidak dilakukan dengan baik meskipun melibatkan urus niaga yang sedemikian besar.

Namun begitu, alasan ini tidak munasabah kerana gagal menjelaskan mengapa satu bayaran berjumlah AUD4.75 juta (RM13.7 juta), yang secara kebetulan merupakan perbezaan antara harga yang dibayar oleh Mara dan nilai pasaran harta tanah tersebut, telah dibuat sebagai “bayaran pengenalan dan perundingan” melalui syarikat luar pesisir di Singapura. Malah, pendedahan oleh The Age itu memetik pemaju Dudley House, iaitu Peter Mills dan Chris Dimitriou, sebagai mengesahkan bahawa bayaran AUD4.75 juta itu merupakan sogokan untuk pegawai Malaysia.



MENGEDARKAN kurma di Bazar Ramadan Jalan Utama, Hospital Besar Pulau Pinang.



ZAIRIL Khir Johari (kiri) dan Steven Sim ketika mengadakan lawatan ke pusat pelarian Syria zataari di Jordan.

Oleh itu, tidak ada sebab untuk mempercayai bahawa skandal Dudley House semata-mata berpunca daripada salah maklumat atau ketidakcekapan. Sebaliknya, adalah jelas bahawa rasuah dalam bentuk sogokan dan pengubahan wang haram telah berlaku.

Rasuah yang berlaku dalam Mara jelas berpunca daripada kronisme yang telah sebat

Pada hari ini, Rasuah dan kerajaan Malaysia sudah hampir sinonim, dan ini tidak menghairankan apabila hampir semua dana kekayaan kerajaan dan agensi-agensi pelaburan dikuasai oleh kroni dan ahli politik yang terkait dengan Umno.

Sebagai contoh, dalam kes skandal Dudley House, pengurus anak syarikat Mara yang terbabit, Datuk Mohammad Lan Allani, juga seorang ahli politik Umno dari Sabah yang merupakan bekas ADUN Sulabayan.

Ini menimbulkan persoalan sama ada pelantikan Lan Allani mempunyai kaitan dengan hakikat bahawa Datuk Seri Shafie Apdal adalah menteri yang menjaga Mara. Hal ini kerana Shafie juga Ahli Parlimen Semporna, yang merangkumi DUN Sulabayan. Selain itu, Shafie juga ketua bahagian Umno Semporna, di mana Lan Allani pernah berkhidmat sebagai naib pengurus dan bendahari.

Sementara itu, Majlis Mara, iaitu badan pengurusan tertinggi agensi terbabit, juga

didominasi oleh Umno, di mana enam daripada 11 anggota Majlis merupakan ahli aktif Umno manakala lima yang lain adalah kakitangan awam. Sepertimana kita tahu, majlis Mara juga dipengerusikan oleh Tan Sri Annuar Musa, iaitu Ahli Umno Parlimen Ketereh, Kelantan.[3]

Bagi empat pengarah Mara Inc, iaitu anak syarikat yang terlibat dalam skandal Dudley House, dua daripada mereka adalah ahli aktif Umno manakala dua lagi adalah kakitangan awam.[4]

Malah, broker yang menguruskan perjanjian Dudley House, Erwan Azizi, yang dilaporkan sebagai “penggemar kereta Porsche,” mempunyai kaitan dengan Umno melalui peranannya sebagai Pengarah di Biosis Bhd, sebuah syarikat yang dipengerusikan oleh timbalan ketua Pemuda Umno Khairul Azwan Harun.[5] Erwan juga anak kepada Dato’ Azizi Yom Ahmad, seorang pemaju bersama Dudley House.

Keperluan untuk kebertanggungjawaban dan ketulusan

Adalah jelas tiada ketulusan dan kebertanggungjawaban dalam proses pengurusan Mara, walaupun agensi tersebut merupakan pemegang amanah berbilion ringgit wang rakyat. Ini adalah disebabkan hakikat bahawa Mara, sepertimana kebanyakan agensi kerajaan yang lain, dikawal dan dikuasai oleh pertalian jahat antara penaung, kroni dan ahli politik.

Apabila agensi kerajaan dan ahli perniagaan bersekongkol dalam jaringan politik, tidak ada keraguan bahawa keputusan yang dibuat akan dipengaruhi oleh kepentingan-kepentingan tertentu. Skandal Dudley House hanyalah satu contoh klasik urusan sedemikian, di mana urusniaga dikendalikan oleh kroni dan ahli politik Umno yang mempunyai kuasa ke atas berbilion-bilion dana kerajaan.

Oleh kerana Mara ditubuhkan di bawah Akta Parlimen, kebertanggungjawaban perlu dikembalikan kepada rakyat. Sebagai permulaan, keahlian Majlis Mara harus dibentuk daripada gabungan seimbang ahli politik daripada kedua-dua pihak, kakitangan awam dan profesional bukan-partisan. Marajuga perlu bertanggungjawab terus kepada Parlimen dan bukannya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

Sekiranya tiada langkah tegas dan pantas diambil untuk memastikan ketulusan dan kebebasan tadbir urus Mara dan agensi kerajaan lain, skandal rasuah dan korupsi dana awam akan terus melanda negara kita.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 399 6689
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharaan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Makfar Hj. Shapee aduhan.dunsbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbkfengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungainpinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan drjayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PAS PENANG HQ	(T) 04 - 575 5584
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhammad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA	-
BERTAM	-
PINANG TUNGGAL	013-580 6981
PERMATANG BERANGAN	019-437 2887
SUNGAI DUA	-
TELOK AIR TAWAR	019-433 7119
SUNGAI ACHEH	012-594 1515
BAYAN LEPAS	-
PULAU BETONG	019-570 9500
TELUK BAHANG	017-460 4849

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
OPERATOR ANTARABANGSA	101		04-226 5161
HOTLINE MBPP	04-263 7637		
	04-263 7000		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893		
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957		
NEGERI			
KASTAM	04-262 2300		
IMIGRESEN	04-250 3419		
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342		
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340		
EPF	04-226 1000		
SOCSCO	04-238 9888		
PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046		
CAP	04-829 9511		
BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161		
PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108		04-229 8555

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1	Penaga	: 019 - 593 3736	- Fatimah	Bungah	011 - 12441069	- Hezreen
N2	Beriam	: 017 - 424 9371	- Tasrin	Air Putih	: 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N3	Pinang			Kebun Bunga	: 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N4	Tunggal			Pulau Tikus	: 017 - 956 3237	- Quah
N5	Permatang Berangan			Padang Kota	: 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N6	Sungai Dua			Kengkalan Kota	: 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat
N7	Telok Air Tawar	: 017 - 595 9891	- Norfatin	KOMTAR	: 012 - 423 3227	- Benji Ang
N8	Sungai Puyu	: 012 - 480 5495	- Mr. Lee	: 010 - 811 7300	- Razin	
N9	Bagan Jermal	: 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	Datok Keramat	: 04 - 226 2464	- Kalvinder
N10	Bagan Dalam	: 016 - 473 1963	- Gesan	Sungai Pinang	: 04 - 282 6630	- Shuen
N11	Seberang Jaya	: 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	Batu Lancang	: 04 - 282 6419	- Karuna
N12	Permatang Pasir	: 019 - 412 8442	- Kamal	Seri Delima	: 019 - 4474362	Mahen James
N13	Penanti	: 013 - 595 6865	- Rosli		: 012 - 5242549	Anne Janet
N14		: 04 - 538 2871	- Tira	Air Itam	: 012 - 4730736	Toon Hoon Lee
N15	Berapit	: 016 - 401 3507	- Mr. Lim	: 016 - 4940705	Frankie Kee	
N16	Machang Bubuk	: 017 - 446 1817	- Yeo Ee Yee	Paya Terubong	: 012 - 484 1963	Jalal Khairul
N17	Padang Lalang	: 012 - 474 0964	- Andrew Chin	: 016 - 205 1185	Sathyra Aliff / Shamsudin	
N18	Bukit	: 012 - 473 0964	- Ikhwan	: 016 - 480 0232	Amirulzaman Danny Ho	
N19	Tengah	: 017 - 552 8928	- Chan	: 016 - 487 8602	- Sathya	
N20	Bukit Tambun	: 014 - 945 9786	- Lai	: 016 - 444 3550	- Aliff / Shamsudin	
N21	Perai	: 04 - 399 6689	- Selvi	: 04 - 646 4700	- Zulkiflee	
N22	Bukit	: 013 - 518 8735	- Lim Tuan Chun	: 019 - 498 1096	- Johan Abu Bakar	
				: 016 - 428 6158		
				: 012 - 422 4935		
				: 017-413 5695		

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2015**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Loh Joo Huat	012 - 422 1133
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani	019 - 411 8343
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Chong Hee	019 - 411 5598
Tiagarajen A/L Annamalai	010 - 387 9305
Ong Eu Leong	010 - 770 0508
Ho Leng Hong	017 - 487 2767
Mohd. Rizal Abd. Hamid	012 - 424 3878
Rajasegar a/l Govindasamy	019 - 411 7051
Zulkifli Ibrahim	018 - 576 1622
Zaini Awang	019 - 546 3115 019 - 493 6161
Amir Md. Ghazali	013 - 584 8386
Mohd. Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 508 0039 (Tel) 04 - 657 0918 (Fax)
Ahmad Tarmizi Abdullah	013 - 414 4822
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Mustafa Kamal Ahmad	019 - 556 9552



**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2015**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Sukumar a/l Subramaniam	019 - 442 2113
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Prof. Tan Kim Hooi	016 - 438 7855
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Lim Boon Beng	012 - 564 4400
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Kumaresan a/l Arumugam	014 - 945 9621
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Felix Ooi Keat Hin	016 - 417 1331
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Dr. Lim Mah Hui	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat	016 - 414 3428
Sha'ari Md. Salleh	013 - 788 7786
Mohamed Yusoff Mohamed Noor	012 - 472 8114

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Ogos 2015**



1hb - 31hb Ogos
Festival George Town

**SIDANG REDAKSI
BULETIN MUTIARA**

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "**sms blast**",
taip "**ADD ME**" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.

Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256



EXCO Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng (dua dari kanan) dan Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri, Muhamad Husni Mahmud (kanan sekali) menunjukkan banting 'Selamat Pulang' pada Kempen Balik Kampung Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Negeri Pulau Pinang 2015.



HAJA Mohideen Mohd. Sharif, 64, tekun menyiapkan songkok menggunakan teknik tradisional. Songkok beliau dijual dalam lingkungan harga RM15 hingga RM40 mengikut jenis dan saiz tempahan pelanggan.



AZRUL Idzwan Abdul Rahman, 20, menyusun produk-produk jualan beliau di Suq Ramadan, Tingkat 3, Komtar. Antara produk yang dijual sebagai persiapan Aidilfitri adalah rempeyek, biskut raya dan kek.



TRADISI di Kampung Melayu, Air Itam. ADUN Air Itam, Wong Hon Wai (dua dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama ahli jawatankuasa dan penduduk setempat dengan berlatarbelakangkan 'bintang gergasi' yang menjadi kemestian di sini sempena sambutan Aidilfitri.



Tampil: Wanita berdaya dan ubah

Oleh: **RAMLAH BEE ASIAHOO**
Pegawai Program
Pemerkaasan & Kepimpinan
Wanita PWDC

TAMPIL merupakan siri program pemberdayaan wanita anjuran PWDC khusus untuk ahli-ahli Brigid Wanita Pulau Pinang termasuk wanita dalam komuniti. Tema TAMPIL dipilih dengan maksud melangkah maju ke depan, menampakkan diri dan muncul untuk memajukan wanita dan komuniti.



CEO PWDC Aloyah Bakar, Ahli Parlimen Permatang Pauh Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, ADUN Penanti Dr Norlela Ariffin dan EXCO Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Chong Eng di Program Tampil @ Penanti

Pemberdayaan wanita merupakan suatu proses yang penting dalam pembangunan wanita dalam komuniti. Berdaya bermaksud meningkatkan keupayaan dan kekuatan seseorang wanita dalam politik, ekonomi dan sosial. Ianya juga melibatkan peningkatan keyakinan dalam kapasiti mereka. Pemberdayaan wanita merangkumi hak dan kuasa berikut berdasarkan kemampuan dan keyakinan mereka:

- Mempunyai kuasa membuat keputusan atas kapasiti sendiri;
- Boleh mendapatkan informasi dan sumber untuk membuat keputusan;

- Mempunyai pilihan untuk membuat keputusan dan tidak tertakluk kepada hanya semata-mata bersetuju;
- Berkeupayaan dalam ketegasan ketika proses membuat keputusan berkelompok;
- Mempunyai pemikiran positif atas keupayaan untuk membuat perubahan;
- Berkeupayaan mempelajari kemahiran untuk menambah baik



AHLI JKKK dan ahli Brigid Wanita kawasan setempat yang menyertai program TAMPIL baru-baru ini

peribadi individu atau kekuatan kelompok;

- Berkeupayaan mengubah pandangan orang lain dengan kesopanan demokrasi;
- Melibatkan proses perkembangan dan perubahan yang tiada pengakhiran dan diusahakan kendiri;
- Meningkatkan imej positif dan mengatasi stigma negatif.

Berdasarkan konsep pemberdayaan tersebut, siri program TAMPIL merangkumi topik-topik berkaitan usaha Kerajaan Negeri membantu wanita, konsep tadbir urus baik, program Bajet Responsif Gender dan Partisipatori PWDC, hak asasi wanita dan kesaksamaan gender. Pembentangan topik berkaitan mampu

mengarusperdanakan dan meningkatkan pemberdayaan wanita dalam komuniti ke arah pembangunan masyarakat sejahtera dengan kesaksamaan gender dalam misi mencapai keadilan sosial.

PWDC telah menganjurkan beberapa siri program TAMPIL di peringkat KADUN dan daerah seperti TAMPIL @ SEBERANG JAYA, TAMPIL @ PENANTI, TAMPIL @ DBD dan TAMPIL @ SPU. PWDC berharap siri program TAMPIL tersebut membentuk kelompok wanita berdaya dan ubah serta menangkis stigma negatif terhadap keupayaan dan kemampuan wanita bertindak dalam pembangunan diri, komuniti dan negeri.

Projek Partisipasi Rakyat @ Machang Bubuk

Oleh: **CHONG YONG TENG**
Pelajar Praktikal

SAYA sedang menjalankan latihan industri di Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) dan berpeluang untuk melibatkan diri dalam “Projek Partisipasi Rakyat” yang dimulakan baru-baru ini. Beban kerja di sini agak berat kerana kami sibuk menjalankan tugas untuk memperjuangkan kuasa rakyat.

Matlamat utama “Projek Partisipasi Rakyat” adalah untuk mendorong penduduk agar mengetahui dan memahami secara lebih mendalam tentang hak dan kuasa yang dimiliki sebagai seorang rakyat melalui penglibatan dalam komuniti. Dengan penggunaan hak dan kuasa mereka, rakyat dapat menjalankan tanggungjawab demokratik mereka tanpa mengira jantina dan umur.

Dari aspek yang lain, melalui penglibatan rakyat, masalah yang berkaitan dengan pembangunan dan perancangan masyarakat juga dapat diselesaikan serta memenuhi keperluan rakyat pada masa yang tepat. Pada masa yang sama, di bawah penyeliaan rakyat sendiri, sumber yang terhad akan dialokasikan dan diberikan kepada mereka.

“Penyertaan Responsif Gender” merupakan konsep yang baru tetapi amat berguna untuk Malaysia. Walaupun ia masih pada peringkat eksperimen, tetapi bila negara bertambah maju dan matang, saya percaya bahawa ianya dapat menarik perhatian dan tindak balas yang positif daripada rakyat. Dalam jangka masa panjang, dengan adanya lebih publisiti dan pendidikan pada masa depan, program ini dapat dilaksanakan di seluruh negara dan membantu mempromosikan demokrasi tempatan

serta kuasa sebenar rakyat.

Saya rasa jika saya merupakan salah seorang rakyat yang dapat mengambil bahagian dalam pembinaan asas demokrasi, dan jika kita boleh meneruskan dan mengembangkan model pembangunan ini, Malaysia akan menjadi semakin baik hasil daripada penyertaan semua rakyat.

Dengan adanya projek ini, kita berpeluang untuk mengambil bahagian dalam pembangunan negara dan menentukan masa depan kita sendiri. Walaupun saya bertambah sibuk disebabkan projek ini, namun ianya amat menyeronokkan.

ADUN Machang Bubuk Lee Khai Loon, Ahli Parlimen Bukit Mertajam Steven Sim Chee Keong, CEO PWDC Aloyah Bakar bersama wakil MPSP, JKKK Machang Bubuk dan wakil SUARAM di Machang Bubuk

Mari Kenali: Projek Partisipasi Rakyat @ Machang Bubuk


SEBUAH ‘projek partisipasi rakyat’ baru sedang bertapak di Machang Bubuk. Ia menggunakan pendekatan demokrasi tempatan untuk pembangunan komuniti, yang disarankan oleh program Bajet Responsif Gender and Partisipatori (GRPB) PWDC.

GRPB telah dimulakan pada tahun 2012 oleh PWDC dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Tujuan GRPB adalah untuk menjadikan rakyat Pulau Pinang sebagai penyumbang aktif dan rakan kongsi dalam pembuatan keputusan untuk projek pembangunan awam dan komuniti.

Untuk kali pertama, wakil rakyat negeri Pulau Pinang iaitu YB Lee Khai Loon, ADUN Machang Bubuk dan YB Steven Sim, Ahli Parlimen Bukit Mertajam sedang menaja projek GRPB. Kedua-dua YB telah memperuntukkan RM50,000 setiap seorang. Jumlah RM100,000 akan dianugerahkan kepada 1 daripada 17 JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) yang terpilih di Machang Bubuk, untuk menjalankan projek pembangunan komuniti di kawasan mereka.



ADUN Machang Bubuk Lee Khai Loon, Ahli Parlimen Bukit Mertajam Steven Sim Chee Keong, CEO PWDC Aloyah Bakar bersama wakil MPSP, JKKK Machang Bubuk dan wakil SUARAM di Machang Bubuk





TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesahkan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11151 : ZAIRUL IDZWAN BIN ZAINAL ABIDIN - 85040207**** NO. 80 JALAN MURNI 20, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11152 : NOOR BAKHTIAR BIN AHMAD - 82021007**** NO. 141 JALAN EMPAT, TELUK BAHANG 11050 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11154 : MUHAMMAD HAFIZ BIN ABU BAKAR - 84020914**** NO. 801 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 11159 : YUSMIZALI ZAIDEE BIN YUSOFF - 87091235**** 562 KAMPUNG BARU, SUNGAIARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1	: ZAINAL ABIDIN BIN AZIZ - 51062608**** NO. 80 LORONG MURNI 20, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: NOOR AZIDAH BINTI AHMAD - 75040107**** NO. 141 LORONG NELAYAN 4, 11050 TELUK BAHANG, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MUHAMMAD HUSAIRI BIN ABU BAKAR - 76031607**** NO. 801 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 1	: YUSMIZAM ZUHAIRI BIN YUSOFF - 79092207**** PLOT 79 BLOK J, MEDAN BATU MAUNG 3, 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2	: KHOZANAH BINTI IBRAHIM - 69101710**** 24 LORONG BENTARA 14, TAMAN BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: NOORHANA BINTI AHMAD - 72012807**** 7A-5-10 PALM COURT, SERI TANJUNG PINANG, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHAMMAD NAJIT BIN ZAKARIAH - 84032207**** 5525 KAMPUNG CHEGAR, PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 2	: MAZLINDA BINTI AHMAD - 83103107**** PLOT 79 BLOK J, MEDAN BATU MAUNG 3, 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11162 : AMIR IZZAT BIN ILIAS - 88111935**** 4 TAMAN PEKATRA INDAH 12, TAMAN PEKATRA INDAH 14120 SIMPANG EMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 11163 : RABIAHTUL BAZARIAH BINTI MOHD MAKTHUM - 84102107**** 1695 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11168 : NUR ALWANI BINTI ZULKIFLI - 87112502**** NO. 70 KAMPUNG TOK KEPAK, MUKIM AH, KODIANG 06100 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11170 : HARDEV SINGH A/L HARPAL SINGH - 82090408**** 3T LORONG DELIMA 13, ISLAND GLADES 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1	: MAZLAN BIN MAT ZAIN - 66110307**** 20 LORONG SHAHBANDAR 4, BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: ROSLI BIN ABDUL MANAF - 79070307**** BLOK B TINGKAT 1-8, RIFLE RANGE FLATS, 11400 PULAU PINANG	Penjamin 1	: SHAARI BIN MAT ISA - 61040402**** 16 JALAN DAHLIA 15, TAMAN IRA, 01000 KANGAR, PERLIS	Penjamin 1	: HARPAL SINGH A/L RATTAN SINGH - 52061871**** 3T LORONG DELIMA 13, ISLAND GLADES, 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2	: AHMAD ZAINORIEN BIN MAT ZAIN - 63051508**** 629 MUKIM 6, KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 2	: PATIMAH BINTI SINTHA MADAR - 67102507**** 24 KOTA GIAM, JELUTONG TIMUR 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2	: SHAIDON BIN MAT ISA - 77081302**** 70 KAMPUNG TOK KEPAK, MUKIM AH, KODIANG, 06100 KEDAH	Penjamin 2	: BULAWAN KAUR A/P GEJA SINGH - 54062008**** 3T LORONG DELIMA 13, ISLAND GLADES, 11700 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11183 : NURUL AIN BINTI ABD HALIM - 90071407**** 455 MK 16, MACHANG BUBOK, 14020 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11188 : LOO YING JIE - 84101607**** 38-G-8 LENGGOK NIPAH 2, TAMAN JUBILEE, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11189 : MOHAMMAD SYUKRI BIN BADARUDDIN - 89031107**** NO. 26 JALAN NIPAH, TAMAN HJ MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 11191 : ONG PENG KUN - 88101807**** 63B-17-16 SYMPHONY PARK, JALAN LENGGONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1	: NO.455 MK 16, MACHANG BUBOK, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: LOO KOK WAI - 60022107**** 38-G-8 LENGGOK NIPAH 2, TAMAN JUBILEE, 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1	: BADARUDDIN BIN MD HASSAN - 55040108**** NO. 26 JALAN NIPAH , TAMAN HJ MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 1	: ONG CHIN HOCK - 54021407**** 63B-17-16 SYMPHONY PARK, JALAN LENGGONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2	: ABD HALIM BIN ABD MAJID - 60071402**** NO.455 MK 16, MACHANG BUBOK, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: LIAU HOCK KIM - 68121102**** 288C-05-01 FORTUNE COURT, JALAN THEAN TEIK, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZAHIRUDDIN BIN BADARUDDIN - 83052907**** 11A TINGKAT PASIR BELANDA 4, TAMAN CAHAYA, TELUK KUMBAR 11960 PULAU PINANG	Penjamin 2	: LIM POH CHOON - 77090507**** 244 E-2-2 TAMAN CEMERLANG, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11194 : INTAN NUR FARRAH BT RAHMAT - 87103035**** MBT 437 KR LOT 6052A, PARIT PENYEGAT, PARIT JAVA 83610 MUAR, JOHOR	No Akaun Peminjam	: 11199 : NOR AKMA BINTI MOHD RAWI - 88062007**** DI HADAPAN 273 MK B, SUNGAI RUSA 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11201 : NOOR ISMAIL B. MOHD YUNUS@ZAKARIA - 85051907**** NO. 36 JALAN SEJAHTERA JAYA 2/1, TAMAN SEJAHTERA JAYA 09600 LUNAS, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11203 : NABILA TASYA BINTI YAHYA - 89081607**** NO. 50 SOLOK KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1	: FARIDAH BINTI MD SAID - 56021301**** MBP 437 KR LOT 6052A, PARIT PENYEGAT, PARIT JAVA 83610 MUAR, JOHOR	Penjamin 1	: NOOR RAZILA BINTI MOHD RAWI - 84030307**** DI HADAPAN 273 MK B, SUNGAI RUSA, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG	Penjamin 1	: NOORASHIKIM BINTINOORDIN - 75122407**** 20 LORONG BENTARA 22, TAMAN BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: NUR MUHARNI BINTI MOHAMED - 81102805**** 10-13-12 FLAT PINANG EMAS, JALAN SUNGAI SATU, BATU FERRINGHI 11100 PULAU PINANG
Penjamin 2	: MUSALMAH BINTI MOHD SAID - 65010601**** NO. 53 JALAN LANGSAT, TAMAN SULIR, PEKAN JABI 85000 SEGAMAT, JOHOR	Penjamin 2	: NOOR PAZIRA WIZUANA BINTI MOHD RAWI - 82102307**** DI HADAPAN 273 MK B, SUNGAI RUSA, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NUR HAFIZAH BINTI HARON - 81060507**** NO.94 TAMAN PELANGI, MK BELIMBING KANAN 06300 KUALA NERANG, KEDAH	Penjamin 2	: FATMAZIYANTI BINTI KHAIRULDIN - 83040713**** 50 SOLOK KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI
No Akaun Peminjam	: 11204 : NOR ASLINA BT ISMAIL - 82022608**** KIRI 858 KAMPUNG BUKIT, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11206 : KOSSHOLAVANI A/P MACHEREGAN - 85102207**** 47 JALAN SUNGAI BAKAP PERMAI, TAMAN SUNGAI BAKAP PERMAI 14200 SUNGAI JAWI, SPS	No Akaun Peminjam	: 11208 : FANG KAR FONG - 89060907**** NO. 701K, MUKIM 18, MOUNT ERSKINE 10470 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11210 : KOO HUAI HONG - 87031935**** A 142 LORONG MUTIARA 2/1, TAMAN MUTIARA INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1	: MARZUKHE BIN ZULKIPLE - 79031907**** KIRI 858 KAMPUNG BUKIT, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MACHEREGAN A/L RENGASAMY - 51052307**** 47 JALAN SUNGAI BAKAP PERMAI, TAMAN SUNGAI BAKAP PERMAI 14200 SUNGAI JAWI, SPS	Penjamin 1	: OOI CHIEW HONG - 77081607**** NO.4 GREEN ROAD FOUR, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: KOO SOON HOCK - 57120907**** A 142 LORONG MUTIARA 2/1, TAMAN MUTIARA INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2	: NORASSIMA BINTI ISMAIL - 83093008**** 697 MK 11, KAMPUNG BUKIT, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: JAYANTHARAAN A/L MACHEREGAN - 81120107**** 47 JALAN SUNGAI BAKAP PERMAI, TAMAN SUNGAI BAKAP PERMAI 14200 SUNGAI JAWI, SPS	Penjamin 2	: OOI TW HONG - 61082507**** NO.701-K MOUNT ERSKINE, 10470 PULAU PINANG	Penjamin 2	: KHAW SOON HAK - 73031907**** NO. 5 LORONG SELAYANG PERMAI 11, TAMAN SELAYANG PERMAI 13200 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 11212 : SOLIHAH BINTI MAHAMUD - 88022035**** 86-07-16 DESA INDAH, PESİARAN PAYA TERUBONG 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11213 : SHAREENA BT JASNI - 82122007**** NO. 12A JALAN PERMATA BARU 1, TAMAN PERMATA BARU 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11214 : NUR HIDAYAH BINTI ABDUL AZIZ - 87070535**** 4051 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 11216 : OOI SEN YONG - 89031607**** 63A-16-6 JALAN LENGGONG, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1	: PARVATHY A/P KARUPPAYA - 69081602**** VILLA KEJORA, BLOK 1-13A-3A HILIR PAYA TERUBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ROZLAN BIN ABDUL RAHMAN - 74051907**** NO.1189 JALAN BUTTERWORTH 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: AZLINA BINTI ABDUL AZIZ - 82012207**** NO.4051 LAHAR YOOL 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 1	: OOI LYNE AUN - 64040407**** 63A-16-6 JALAN LENGGONG, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2	: RAJAGOPAL A/L KARUPPAYA - 55032702**** 86-7-16 PESİARAN PAYA TERUBONG 2, TAMAN INDAH RELAU 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: NURUL AZWA BINTI SAIMAN - 80080702**** NO. 314 JALAN MEWAH 7, TAMAN MEWAH, LUNAS 09600 KEDAH	Penjamin 2	: NURHAYATI BINTI ABDUL AZIZ - 77052807**** 4514 MUKIM 8, POKOK SENIA, 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: OOI SOO YONG - 85020607**** 63A-16-6 JALAN LENGGONG, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11218 : M HAMDI BIN KHOSRAN - 83082807**** NO. 1331, MK4 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 11220 : LIM CHENG MEI - 91062607**** 14-E PINTASAN CECIL 1, 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11222 : MUNIRAH BINTI MUNAWAR ALI - 89100307**** 25-B BLOK K, MUKIM 12 , BATU MAUNG 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11223 : MOHD ZAIDI BIN YAAKOP - 82060407**** 127 MUKIM 4 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1	: MOHD HAMDIAN BIN KHOSRAN - 85082307**** 1331 MK 4, PERMATANG NIBONG 13500 PERMATANG PAUH, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 1	: GOH JIN HUAT - 80111107**** BLOK 330-17-8 TAMAN GAMBIER, JALAN BUKIT GAMBIER, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: YASIR HAFIZ BIN MUNAWAR ALI - 80090407**** 25-B BLOK K MK 12, BATU MAUNG 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: NOORHARIZAH AZFAR BINTI ALI BAHRUN - 83072812**** 127 MK 4, PERMATANG PAUH
Penjamin 2	: SAADIAH BINTI OMAR - 85010608**** 1331 MK 4, PERMATANG NIBONG 13500 PERMATANG PAUH, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 2	: LIM CHENG IM - 83082307**** BLOK 330-17-8 TAMAN GAMBIER, JALAN BUKIT GAMBIER, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ANISA SHUHAIRI BINTI MUNAWAR ALI - 82081807**** 25-B BLOK K MK 12, BATU MAUNG 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ELIAS BIN HASHIM - 72120607**** 434 JALAN MAHSURI 4/A, TAMAN MAHSURI, PADANG SERAI 09400 KEDAH
No Akaun Peminjam	: 11225 : JEMILAH BINTI IBRAHIM - 76020607**** NO. 543 JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11227 : EMY NORLYANA BINTI TAHIA HSNI - 85061607**** NO. 20 JALAN PULAU LUMUT, U10/76G ALAM BUDIMAN, SEKSYEN 10, 40170 SHAH ALAM, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 11229 : ISMAIL BIN MAHAMAD HAKIMI - 83012101**** NO. 14 LORONG 1, TAMAN RUPAWAN 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11223 : MOHD ZAIDI BIN YAAKOP - 82060407**** 127 MUKIM 4 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1	: AHMAD FAIRUZ BIN JAMALLUDIN - 81081802**** NO.94 TAMAN INTAN, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: ISMAIL BIN ISHAK - 61071810**** 3 LORONG MARKISAH 20, TAMAN MARKISAH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MAHAMAD HAKIMI BIN IBRAHIM - 57081209**** 14 LORONG 1, TAMAN RUPAWAN 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: NO. 3955 GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2	: MOHD RIDZA BIN MOHD NOR - 82042814**** 377 LORONG BAIDURI 3/4, TAMAN DELIMA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	Penjamin 2	: ZAITON BINTI OTMAN - 55100908**** 616-A BLOK D-17, JALAN LINTANG TENGGIRI 13700 SEBERANG JAYA, PERAI	Penjamin 2	: NORIZAN BINTI ESA - 59030101**** 14 LORONG 1, TAMAN RUPAWAN 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: SAAD BIN AHMAD - 57042707**** NO. 4043 PERMATANG KERAI BESAR 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
No Akaun Peminjam	: 11232 : TAMIL ALAGAN A/L SUPRAMANIAM - 87031207**** 2-02 PANTAI						

Impian Razlan tercapai, terima berasrama lanjut pendidikan di UniSA

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **MARK JAMES**

PULAU TIKUS – Hasrat seorang graduan cacat penglihatan untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah dalam bidang inovasi perniagaan dan keusahawanan selama dua tahun di *University of South Australia* (UniSA) Australia akhirnya tercapai.

Walaupun terpaksa berjauhan tatkala sambutan Aidilfitri, namun bagi pelatih di St. Nicholas' Home, Razlan Ibrahim Mukhtar, 21, beliau teruja kerana berpeluang meraikannya di dua negara berbeza.

"Hari Raya tahun ini yang paling istimewa kerana berpeluang berpuasa penuh sepanjang Ramadan bersama keluarga setelah 10 tahun tinggal di asrama.

“Terlalu banyak yang ingin dikongsikan bersama keluarga dan saya sendiri membuat beberapa persiapan awal untuk keperluan (saya) sebelum berlepas ke Adelaide (19 Julai 2015),” katanya kepada pemberita dalam sidang media khas di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dan Pengarah Eksekutif St. Nicholas' Home, Daniel Soon.

Mengulas lanjut, anak sulung daripada empat adik-beradik tersebut menyatakan bahawa beliau pasti akan merindui keluarga terutama

adik bongsunya yang berusia tiga tahun.

“Saya akan memulakan perjalanan saya selama dua tahun di bumi Australia dan pastinya saya akan merindui keluarga saya,” ujar Razlan yang merupakan seorang graduan Diploma Perniagaan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau, Perlis.

"Tiga tahun menjalani hidup di Perlis, jauh daripada keluarga dan saya tak risau untuk menjalani kehidupan seorang diri di luar negara.

"Sekarang inipun, saya berulang-alik seorang diri menaiki pengangkutan awam setiap hari

“Dua bulan lalu, saya juga berkesempatan ke Singapura seorang diri dengan menaiki keretapi,” katanya penuh yakin apabila disoal tentang kehidupannya di negara orang kelak.

Beliau yang menyimpan impian untuk berbakti kepada masyarakat selain muahu membuktikan bahawa insan istimewa seperti dirinya mampu mencapai kecemerlangan berjanji akan membawa pulang pengalamannya di UniSA untuk membantu mereka yang senasib dengannya.

Razlan mendapat tajaan penuh pembiayaan pendidikan berjumlah RM330,000 daripada sebuah syarikat telekomunikasi, Maxis Malaysia dan RM12,000 bagi pembelian papan braille mudah alih daripada Tengku Idaura Tengku Ibrahim bersama rakan-rakannya dari Persatuan Sahabat Kebun Botanik Pulau Pinang selepas kisah beliau disiarkan di media-media

A close-up portrait of a young man with short, dark hair and bangs. He has a slight smile and is looking towards the right of the frame. He is wearing a red collared shirt. The background is a plain, light color.

RAZLAN Ibrahim Mukhtar



RAZLAN Ibrahim Mukhtar (kanan) menunjukkan cara menggunakan papan braille mudah alih yang diterimanya sambil diperhatikan Yap Soo Huey pada sidang media khas di sini baru-baru ini.

kehidupan hariannya, namun, kesungguhan dan kegigihannya amat dikagumi.

"Malah, saya difahamkan, pemilihan Razlan sebagai penerima biasiswa pendidikan daripada Maxis Malaysia adalah berdasarkan kecemerlangannya dalam pendidikan, kebolehan dan kelayakannya. Bukan disebabkan 'keadaan' beliau," jelas Soo Huey.

Bagi Daniel, beliau amat berbangga dengan pencapaian Razlan yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.86 setelah tamat pengajian diplonmanya baru-baru ini.

“Dia adalah individu keenam dari St. Nicholas’ Home yang menerima tajaan pendidikan untuk belajar di luar negara,” kata beliau.

TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Lavarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11240 : AZIE RAZNIE BINTI ABDUL GHANI - 89080602**** 756-B, BLOK J,TAMAN TUN DR AWANG, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11247 : TAN MIN CHIE - 81121907**** 21 JALAN SERI SG. LONG 7, TAMAN SERI SG. LONG, KAJANG 43200 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 11248 : MOHAMAD FIDZWAN BIN MAHMAD FAZIL - 90090507**** NO. 3003 PLOT 93 KAMPUNG SURAU(UDA), JALAN TERUBUK, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 11251 : NURUL ASHIKIN BINTI MUAAZ - 86031107**** 23 PINTAS TENGGIRI 4, 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 1	: ABDUL GHANI BIN H CHE MEH@H MAN - 66082802**** 756-B BLOK J, TAMAN TUN DR AWANG, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: NG KEE SOON - 66032508**** 21 JALAN SERI SUNGAI LONG 7, TAMAN SERI SUNGAI LONG 43200 BATU 9 CHERAS, SELANGOR	Penjamin 1	: FAEZAH BINTI MAHMAD FAZIL - 81013007**** 3003 PLOT 93 KAMPUNG SURAU (UDA), JALAN TERUBUK, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	Penjamin 1	: MUAAZ BIN AHMAD TAJUDDIN - 56062108**** NO. 23 PINTAS TENGGIRI 4, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI
Penjamin 2	: MOHD KHAIRUL NIZAM BIN ABD LATEH (T722054) - 81041002**** KOLEJ TENTERA UDARA ALOR SETAR 06200 KEPALA BATAS, KEDAH	Penjamin 2	: PHOOON HONG BOON - (MENINGGAL DUNIA) 362-10-3, GAT LEBUH MACALLUM, 10300 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHAMAD FAIZAL BIN MAHMAD FAZIL - 85061607**** 3003 PLOT 93 KAMPUNG SURAU (UDA), JALAN TERUBUK, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	Penjamin 2	: AHMAD FARIS BIN MUAAZ - 83081107**** NO. 23 PINTAS TENGGIRI 4, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI
No Akaun Peminjam	: 11253 : MOHAMAD SAPUDIN BIN SAID - 87050207**** 1131-AMK 11 SUNGAI BATU, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11254 : AHMAD KHAIRI ASWAD BIN ISHAK - 86080635**** 5462 KAMPUNG NYIOR SEBATANG 13300 TASIK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 11257 : ADRIAN CHAN HOW MUN - 85043008**** 19-A LEBUHRAYA ROSE 10350 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11264 : ANUAR SHAH BIN ARIPPIN - 83050707**** BLOK 9-6-5, JALAN TENGAH 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 1	: CHE PUTEH BINTI RAZAK - 46081207**** 1131-AMK 11, SUNGAI BATU 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ISHAK BIN SAAN T - RF69**** IBU PEJABAT POLIS DAERAH, KUALA MUDA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	Penjamin 1	: DHARMASEGARAN A/L NAGAMANY - 54012508**** 19-A LEBUHRAYA ROSE, 10350 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ARIPPIN BIN MAT - 54071808**** BLOK 9-6-5 JALAN TENGAH, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2	: RUZIHAN BIN SAID - 66040402**** 46 LORONG 9, TAMAN DESA SENA 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: SITI NORSHAHBANDI BINTI ABU BAKAR - 77071214**** B-14-04 BLOK B PANGSAPURI BUKIT BARU, JALAN KERAMAT HUJUNG 54000 KUALA LUMPUR	Penjamin 2	: CHAN MIN CHOO - 63041708**** 19-A LEBUHRAYA ROSE, 10350 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ROHAIYU BINTI RAMLI - 76082501**** 2A-5-17 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11265 : NUR NASIHAH BT AHMAD KAMAL - 89072507**** 210 PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 11273 : LING YEE KOON - 90011007**** 100-2-5 JALAN RAWANG 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11280 : AIZAT MAZNI BINTI MD YUSOP - 89031307**** NO. 37 TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 11281 : ALEX TAN KEAN CHYE - 90062607**** E-13-23,RIFLE RANGE FLATS 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1	: AHMAD KAMAL BIN AHMAD - 62040707**** NO.210 PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 1	: CH NG YEE CHENG - 77062508**** NO.38 TAVOV CLOSE, 10050 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: AZURA MASNI BINTI MD YUSOP - 75081607**** 186 JALAN KS 4, KULIM SQUARE, LUNAS 09600 KEDAH	Penjamin 1	: LEE HONG NU - 58021708**** C-11-5 RIFLE RANGE FLATS 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2	: MARIAM BINTI AHMAD - 72012107**** 25 LORONG PAUH JAYA 3/3, TAMAN PAUH JAYA, 13700 PERAI	Penjamin 2	: LING YEE KANG - 83102207**** NO.100-2-5 JALAN RAWANG, 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2	: AIDA MASWANI BINTI MD YUSOP - 77021207**** 36 LORONG SUTERA 3, TAMAN SUTERA, 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 2	: CHIANG BAO SHAN - 77121507**** F-8-11A RIFLE RANGE FLATS, 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam		No Akaun Peminjam		No Akaun Peminjam		No Akaun Peminjam	
Penjamin 1	: CHENG HSZE MIN - 89050807**** 614A PANGSAPURI SRI MEKAR, JLN PERUSAHAAN RINGAN 1, 13400 MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: CHENG TAT WAH - 64102107**** 6-14A PANGSAPURI SRI MEKAR, JLN PERUSAHAAN RINGAN 1, MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: HIFZAILA BINTI AHMAD HAFNI - 82081408**** 966 KAMPUNG LAHAR IKAN MATI 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: ALEX TAN KEAN CHYE - 90062607**** E-13-23,RIFLE RANGE FLATS 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2	: ONG AH KEOW - 64092307**** 6-14A PANGSAPURI SRI MEKAR, JLN PERUSAHAAN RINGAN 1, MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH	Penjamin 2		Penjamin 2	: NORZULWATI BINTI ZULKIFLI - 83012703**** NO. 11 JALAN PUKAT 1, 19/23A SEKSYEN 19, SHAH ALAM 40300 SELANGOR	Penjamin 2	: LEE HONG NU - 58021708**** C-11-5 RIFLE RANGE FLATS 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG
				Penjamin 2	: NURUL HUSNA BINTI ABU HARIS - 83022814**** NO. 13 JALAN 47, DESA JAYA, KEPONG 52100 KUALA LUMPUR		

PDC, Sime Darby meterai MoU bangun PKS di SPS

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN – Agensi pembangunan negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) baru-baru ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Sime Darby Property (Utara) Sdn. Bhd. (Sime Darby) bagi membangunkan kawasan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berteknologi tinggi bernilai RM1.8 bilion di negeri ini.

PDC akan bekerjasama dengan perbadanan berkaitan kerajaan (GLC) itu, bagi membangunkan tanah-tanah pertanian di Byram dan Changkat, Seberang Perai Selatan (SPS) supaya menjadi sebuah taman perindustrian perdana.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyaksikan Majlis Menandatangani MoU antara PDC dan Sime Darby di sini berkata, rancangan Sime Darby untuk membangunkan tanah tersebut bagi PKS adalah sejarah dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk menambah nilai dan meningkatkan sektor berkaitan di sini.

“Melalui perjanjian tersebut, kedua-dua pihak iaitu PDC dan Sime Darby akan merangka satu pelan induk khusus iaitu Pelan Induk Byram/Changkat untuk

membangunkan tanah bagi PKS dan pembangunan bercampur-campur,” katanya pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, barisan Exco Kerajaan Negeri, Dato’ Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC), Datuk Ir. Jauhari Hamidi (pemangku Pengarah Urusan Sime Darby) dan Mohd. Salem Kailany (Timbalan Presiden Kanan Sime Darby).

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, berdasarkan Pelan Induk Byram/Changkat, Sime Darby akan membangunkan 18.8 peratus dari keseluruhan tanah iaitu 929.8 ekar tanah untuk pembangunan PKS, manakala PDC akan membangunkan perindustrian berat, ringan, sederhana, PKS dan pembangunan bercampur melibatkan 4,017.4 ekar tanah atau 81.2 peratus.

“Kedua-dua pihak bertanggungjawab bagi permohonan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), manakala PDC pula akan melantik perunding Penilaian Kesan Trafik (TIA) dan kos akan dikongsi mengikut nisbah plot yang telah dieprsetujui,” jelasnya yang juga Pengerusi PDC.

Dalam pada itu, Presiden merangkap Ketua Eksekutif Kumpulan Simbe Darby Berhad, Tan Sri Datuk Seri Mohd. Bakke



ROSLI Jaafar (kiri sekali) bertukar-tukar dokumen perjanjian dengan **Ir. Jauhari Hamidi (kanan sekali)** di hadapan **Ketua Menteri dan Mohd. Bakke Salleh (dua dari kanan)** pada Majlis Menandatangani MoU antara PDC dan Sime Darby di sini baru-baru ini.

Salleh menyatakan bahawa, pihaknya telah lama menyedari potensi SPS sebagai sebuah kawasan perindustrian perdana.

“Pihak kami amat berbesar hati dan yakin bahawa kita akan menyaksikan pertumbuhan pesat di kawasan tersebut dalam tempoh lapan tahun akan datang termasuk pembangunan kediaman,

hospitaliti dan peluang pekerjaan yang akan memberi manfaat kepada Pulau Pinang secara keseluruhannya.

“Atas dasar inilah, kami membuat permohonan untuk melibatkan penukaran zon pertanian seluas 929.8 ekar tanah pertanian di Byram ke zon perindustrian berteknologi tinggi,” ujar beliau.

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Ketenasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorty	Seberang Perai Tengah	-	019 - 457 2271
5.	R. Gunalan	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	011 - 2666 6901

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.



BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG. SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

BIL	NAMA PEMAJU	LOKASI	NAMA PROJEK	JENIS PEMAJUAN	HARGA SEUNIT	HARGA SELEPAS POTONGAN 5%	BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA	PEGAWAI PERHUBUNGAN
1.	Evergreen One Dev Sdn. Bhd. 441-3A-9 Pulau Tikus Plaza Jalan Burmah 10350 Pulau Pinang No. Tel : 04-2283177 No. Fax : 04-2282311	Di Atas Lot 10302-10311, Mukim 6, Jalan Pondok Upah, Balik Pulau Daerah Barat Daya Pulau Pinang.	Beryl Garden	Rumah Teres 3 Tingkat	RM670,000.00	RM636,500.00	1	Soo Ai Ling

P. Pinang dahului kadar kitar semula nasional

Oleh : WATAWA NATAF
ZULKIFLI
Gambar : LAW SUUN TING

GEORGE TOWN – Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berusaha menghapuskan kelaparan, Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) menyatakan bahawa pembaziran jumlah makanan di seluruh dunia adalah menghampiri tahap kritikal, didorong oleh pertumbuhan penduduk dan pembangunan ekonomi yang tinggi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengulas kenyataan tersebut menyatakan bahawa di Malaysia, sebanyak 44 peratus daripada 33,000 tan sisa pepejal yang dihasilkan adalah sisa makanan.

Berdasarkan perangkaan tersebut, bagi Semenanjung Malaysia, kadar sisa semasa yang dihasilkan menjelang 2020 mampu mengisi hampir 16 Menara Berkembar Petronas.

Justeru, Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang mengambil pendekatan khas bagi mengurangkan penghasilan sisa-sisa pepejal



SEBAHAGIAN aktiviti yang dijalankan bersempena penganjuran Karnival Hijau Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

menerusi kempen tiada beg plastik di pusat membeli-belah, larangan penggunaan bekas makanan polisterin dan lain-lain.

“Impaknya, Pulau Pinang kini telah mencapai kadar kitar semula paling tinggi sebanyak 32 peratus, jauh melebihi sasaran nasional, 20 peratus menjelang tahun 2020,” ucapnya pada Majlis Perasmian Karnival Hijau Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bungah merangkap Pengurus Pengajar Karnival Hijau 2015, Teh Yee Cheu,

ADUN Komtar, Teh Lai Heng dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Bertemakan, Kekalkan Makanan Kita, Makan Secara Bertanggungjawab, penganjuran tersebut turut dimeriahkan dengan aktiviti kesedaran, permainan, pertandingan, pameran, ceramah, perbincangan, pertanian akuakultur, pertanian organik, pertanian perbandaran, pemakanan, kesihatan, diet karbon rendah, kelestarian rantai makanan dan makanan modifikasi genetik.

Turut mencuri tumpuan adalah

pertandingan akhir pengucapan awam Idola Hijau yang menampilkan barisan peserta dari lingkungan umur sembilan hingga 25 tahun bagi merebut hadiah wang tunai berjumlah RM9,600.

FAO merupakan satu forum neutral setiap negara berunding dan berbahas tentang dasar-dasar. FAO juga membantu negara-negara membangun memajukan perhutanan dan perikanan demi menjamin bekalan makanan yang berkhasiat kepada semua penduduk dunia.



MPSP sasar 70 sekolah tadika sertai Anugerah Kitar Semula 2015

Oleh : ZAINULFAQAR
YAACOB
Gambar : AHMAD ADIL
MUHAMAD

SEBERANG JAYA – Kelab Lion Antarabangsa 308B2 sekali lagi menjadi penaja utama Anugerah Kitar Semula Sekolah-Tadika, yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, badan bukan kerajaan (NGO) tersebut turut menyumbang sejumlah tong kitar semula untuk kegunaan semua sekolah yang menyertai pertandingan kali ini.

“Anugerah tahun lepas pun, ‘Lion Club’ telah menaja hadiah untuk anugerah ini.

“MPSP mensasarkan sebanyak 70 sekolah tadika akan mengambil bahagian pada tahun ini,” katanya pada Majlis Penyampaian Hadiah Kitar Semula Sekolah Tadika 2014 & Pelancaran Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika 2015 di sini baru-baru ini.

District Governor Kelab Lion Antarabangsa 308B2, ‘Lion’ Ooi Chao Syuan turut berucap pada majlis yang dilangsungkan di Auditorium Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini.

Hadir sama, Setiausaha Majlis MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta beberapa ahli majlis lain.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung perang), ahli-ahli majlis MPSP dan wakil-wakil Kelab Lion Antarabangsa 308B2 pada Majlis Penyampaian Hadiah Kitar Semula Sekolah Tadika 2014 & Pelancaran Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika 2015 di sini baru-baru ini.

Maimunah memberitahu, hanya 13 daripada 46 sekolah tadika yang menyertai pertandingan itu pada tahun lepas menghantar laporan berwajib kepada MPSP.

Justeru, kata beliau, juri lantikan kemudiannya memilih empat sekolah tadika cemerlang untuk menerima hadiah wang tunai sebanyak RM200, manakala sembilan yang lain diberi saguhati RM100.

“Secara mudah, program ini demi memaksimumkan kitar semula, meminimumkan sisa, mengurangkan penggunaan serta memastikan setiap barang yang dihasilkan boleh digunakan semula, dikitar dan dikomposkan.

“Laporan aktiviti merangkumi semua aspek ini akan dinilai dan 40 hadiah berupa wang tunai telah pun disediakan bagi anugerah pada tahun ini,” jelas Maimunah.

ADUN ikrar perhebat Program Pertanian Bandar di Jawi

Oleh : AIMUL WARDAH SOHILLI
Gambar : ADUN

JAWI – Program Pertanian Bandar yang dilancarkan Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini adalah untuk menggalakkan masyarakat bandar dan pinggir bandar menanam bahan makanan sendiri di kawasan rumah masing-masing.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berkata, program berkenaan memberi idea kepada komuniti setempat untuk meneroka amalan terbaik dalam bidang hortikultur membabitkan kawasan terhad termasuk di sudut-sudut sekitar rumah, atas bumbung atau bangunan kediaman.

“Oleh demikian, saya sendiri selaku ADUN mengambil inisiatif dan berikrar untuk memperhebatkan Program Pertanian Bandar di seluruh Jawi terutama selepas kejayaan pelaksanaannya di Bukit Panchor dan Sanglang sebelum ini,” katanya yang juga merupakan Pengurus Pelaksana bagi Program Pertanian Bandar di bawah MMK Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Program Pertanian Bandar di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Byram, Taman Bistari di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pegawai Pertanian Daerah Seberang Perai Selatan, Lim Keat Seong, Urusetia Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) LA21, Chew Eng Seng dan Pengurus JKKK Byram, P.Jaganjiveram serta komuniti setempat.

Mengulas lanjut, Lip Chee memberitahu bahawa program tersebut memberi peluang kepada komuniti



SOON Lip Chee (berkemeja hijau) bersama-sama komuniti Taman Bistari menunjukkan anak-anak pokok yang ditanam sebagai gimik Majlis Perasmian Program Pertanian Bandar di Dewan JKKK Byram, Taman Bistari di sini baru-baru ini.

setempat yang mengambil bahagian untuk mempelajari teknik-teknik penanaman pertanian organik dengan kaedah penanaman mudah menggunakan bahan-bahan terpakai.

“Jabatan Pertanian Negeri akan memberi pendedahan tentang penggunaan peralatan yang sesuai, termasuk penggunaan sumber bahan baja kompos dan pengurusan tanaman sekaligus menjamin keselamatan hasilnya.

“Pendedahan turut diberikan tentang bahaya penggunaan busa polisterin sebagai bekas tanaman dan penggunaan bahan kawalan serangga perosak yang dilarang bagi menghasilkan tanaman yang selamat untuk dimakan serta berkualiti,” jelas beliau.

Dalam pada itu, Lip Chee mengajak mana-mana individu atau komuniti yang ingin menyertai Program Pertanian Bandar berkenaan supaya menghubungi Pusat Khidmat ADUN Jawi di talian 04 – 594 1163 untuk maklumat lanjut.

“Peserta akan diberikan kursus pendek dan penerangan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri termasuk menjalani sesi praktikal serta penyediaan kelengkapan seperti tanah-tanah, benih pokok dan pasu,” ulas beliau.



MAIMUMAH Mohd Sharif (tiga dari kanan) dan Sr. Rozali Haji Mohamud (dua dari kanan) menunjukkan borang penyertaan sambil berlatarbelakangkan banting penganjuran Larian Menara MPSP 2015 di sini baru-baru ini.

Larian Menara MPSP kembali!

Oleh : **DARWINA MOHD. DAUD**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BUKIT MERTAJAM – Larian Menara Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) 2015 bakal diadakan pada 16 Ogos ini di Menara MPSP di sini.

Yang di-Pertua, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, pada tahun ini, MPSP mensasarkan penyertaan seramai 1,500 peserta bagi acara tahunan berkaitan.

“Cabaran pertandingan adalah membabitkan ‘panjatan’ pada jarak 7 kilometer iaitu 412 anak tangga.

“Sebanyak RM4,350 hadiah wang tunai ditawarkan bagi semua enam kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Kanak-kanak Lelaki, Kanak-kanak Perempuan, Terbuka Lelaki, Terbuka Perempuan, Veteran Lelaki dan Veteran Perempuan,” katanya pada sidang media pengumuman penganjuran berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan Ahli Majlis MPSP, Loh Boo Phuat.

Maimunah memberitahu, yuran penyertaan untuk semua kategori adalah antara RM25 - RM30 dan percuma untuk pengamal media.

Dalam pada itu, Pengurus pengelola larian, Shawn Ng berkata, pihaknya telah membuka lima lokasi pendaftaran iaitu di Kaunter Berpusat MPSP (Ibu Pejabat MPSP), Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit di Kampung Baru, Pusat Khidmat ADUN Seberang Jaya, Pusat Khidmat ADUN Komtar dan Pusat Khidmat Ahli Parlimen Tanjung (Jalan Anson, George Town) bagi kemudahan orang ramai.

“Pendaftaran secara online juga boleh dibuat di www.event.howei.com dan tarikh tutup penyertaan adalah pada 2 Ogos ini.

“Sebarang pertanyaan boleh hubungi 011 - 107 08939 atau 012 - 440 1398,” jelas beliau.

Nepal Dreamz Run kumpul dana bantu mangsa gempa bumi

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN –

Demi membantu mangsa gempa bumi di Nepal, sebuah pertubuhan amal, *The Dream Zephyr Foundation* (Dreamz) mengambil inisiatif menganjurkan larian amal, *Nepal Dreamz Run* bagi tujuan mengumpul jumlah dana bernilai RM100,000 pada 16 Ogos ini di sini.

Pengasas Dreamz, Angeline Cheong berkata, dana yang dikumpul bakal digunakan untuk membeli pakaian tebal dan selimut bagi keperluan mangsa-mangsa berkaitan terutamanya untuk menghadapi cuaca sejuk yang bakal menjelang.

“Kita perlu berganding bahu dan berkerjasama bagi membina semula kehidupan di Nepal yang musnah akibat kejadian gempa bumi pada penghujung April lalu.

“Justeru, sokongan serta penglibatan semua pihak dalam menjayakan acara ini adalah amat penting,” katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.


Acara tersebut bakal berlangsung di *Straits Quay* dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari bakal menyempurnakan acara pelepasan peserta.

Zairil dalam pada itu melahirkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur yang sudi mengadakan acara berkaitan.

“Penganjuran seperti ini sedikit-sebanyak diharap dapat membantu meringankan beban mangsa-mangsa terlibat terutamanya untuk meneruskan hidup masing-masing,” ujar beliau.

Bagi maklumat lanjut, layari <https://liv3ly.com/registration/event/ndr> atau berkunjung ke *Mytriathlonshop* di pusat membeli-belah Penang Plaza, Jalan Burma sebelum 8 Ogos ini.

Larian adalah merangkumi kategori jarak tiga dan lima kilometer.



ZAIRIL Khir Johari.

Ultra maraton bertaraf antarabangsa ke Bukit Mertajam 29 Ogos

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

PADANG LALANG – Larian penuh mencabar “Epic Valley Malaysia Eco 100 Ultramarathon” ke puncak Bukit Mertajam yang dianjurkan pada 29 hingga 30 Ogos ini diharap akan mereputasi lagi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan sukan lasak terpilih di rantau ini kelak.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng berkata, impian itu boleh dicapai berdasarkan pengalaman penganjur, *Endurance Nature* yang diketuai oleh pelari ultra maraton dunia, Ng Seow Kong, 53.

Malah, beliau memberitahu, sebanyak RM20,000 disumbangkan oleh Kerajaan Negeri untuk acara sulung itu.

“Kepulangan Ng Seow Kong (Seow

Kong) yang pernah menjadi warga Asia pertama yang berjaya menamatkan cabaran *Grand Slam* di North Pole (2008), warganegara pertama yang berjaya menamatkan larian mencabar peringkat dunia *Tenzing Hillary Everest Marathon* di Nepal pada Mei 2007 dan banyak lagi bakal memeriahkan penganjuran ini.

“Lanjutan itu, Kerajaan Negeri berharap semua rekod dunia ini boleh menjadikan Pulau Pinang yang mempunyai hutan daranya tersendiri sebagai salah satu destinasi pelancongan sukan lasak pilihan dunia suatu hari nanti,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang pada majlis promosi media di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong, Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubuk), Dr. Norlela

Ariffin (ADUN Penanti) dan Amir Md. Ghazali (Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) turut serta sidang media itu.

Dalam pada itu, Chong Eng turut merakamkan penghargaan kepada penaja utama sukan lasak tersebut, iaitu Pengurus Epic Valley Holdings Berhad, Tan Sri Dr. Fng Ah Seng serta sokongan akhbar perdana Bahasa Cina, *Sin Chew Daily* selaku media rasmi program.

Sebelum itu, Seow Kong menjelaskan bahawa acara tersebut terdiri oleh tiga kategori, iaitu 100 kilometer ultra maraton, 50 kilometer maraton dan 13 kilometer larian ria.

“Ultra maraton ini akan merentas laluan mencabar seperti ladang sawit, getah dan nanas, melusuri kampung-kampung serta mendaki bukit-bukit di To’Kun.


“Maraton penuh cabaran ini akan

bermula pada jam 10 malam (29 Ogos) dari Kampung Sungai Lembu di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penanti ke Berapit, Machang Bubuk dan kembali di garisan penamat di Kampung Sungai Lembu, yang mana larian bakal mengambil masa hampir 24 jam.

“Larian separuh maraton 50 kilometer yang dijangka memakan masa selama 14 jam akan bermula dari tapak parkir Bukit To’Kon pada jam 8 pagi (30 Ogos) dan dijangka selesai serentak dengan peserta ultra maraton di Kampung Sungai Lembu pada jam 10 malam (hari sama).

“Begitu jua dengan larian ria 13 kilometer yang dilepaskan lebih lewat dari itu, tetapi diharap menyudahkan cabaran di garisan penamat sebelum jam 10 malam juga,” jelas beliau.

Maklumat yuran pendaftaran boleh



NG Seow Kong.
diperoleh secara online di laman web, www.endurancenature.com iaitu berharga antara RM40 hingga RM350. Hubungi Seow Kong pada talian 013 – 277 6289 atau Allan Lee, 016 – 323 0523 untuk mendapatkan informasi lanjut.

Laksa Sotong Kg. Selamat, memoir kisah cinta Cik Habsah

Oleh : YAP LEE YING
Gambar : IDZHAM AHMAD

KEJAYAAN Cik Habsah mempopularkan Laksa Sotong Kampung Selamat warisan keluarga arwah suami beliau pada hakikatnya tersirat sebuah kisah yang meninggalkan kesan amat mendalam kepada penulis.

Ini kerana, setelah kira-kira enam tahun penulis dipertanggungjawabkan terhadap ruangan Jalan-jalan Buletin Mutiara, tugas ini lazimnya ‘memaksa’ penulis untuk menjelajah ke seluruh Pulau Pinang bagi mencari bahan untuk dikongsikan bersama-sama pembaca.

Apa yang cuba dinyatakan penulis, temubual yang diatur sehari sebelum oleh Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad berkenaan adalah lain daripada yang sebelum ini.

Ketika skuad Jalan-jalan tiba di kediaman Cik Habsah atau nama sebenar, Habsah Yahya, 55, bersama-sama anak sulungnya, Siti Khalsum Ramli, 36, sedang sibuk di dapur menyediakan, bukan hanya sajian laksa, malah kuih-muih tradisional seperti kuih ketayap, karipap dan juga nasi lemak.

Melihat kesibukan beliau, penulis tetap mengajukan pelbagai soalan berhubung perusahaan yang telah diusahakannya sejak 30 tahun lalu.

Bukan senang untuk beliau berkongsi cerita di sebalik Laksa Sotong Kampung Selamat yang bukan hanya popular dalam kalangan masyarakat tempatan, terutamanya mereka yang berketurunan Cina, malah juga pelancong luar.

Apabila setiap soalan diajukan, penulis dapat memerhatikan riau wajah Cik Habsah berubah dan sehingga satu tahap, beliau menitiskan air mata terkenang arwah suami tersayang



HABSAH Yahya atau Cik Habsah.

yang meninggal dunia ketika dalam tidur pada usia 51 tahun.

“Prinsip Makcik cuma satu, hendak bagi anak makan dan sekolah,” jawabnya apabila ditanya faktor yang mendorong beliau meneruskan perusahaan berkaitan selepas bergelar ibu tunggal 17 tahun lalu.

Ketika arwah meninggal dunia, enam anak-anaknya masih di bangku sekolah dan anak bongsu hanya berusia dua tahun setengah.

“Memang rasa susah. Tapi, saya terpaksa sahut cabaran demi anak-anak.

“Selepas tiga bulan arwah meninggal, Makcik pindah kedai asal yang terletak di dekat tokong Cina Kampung Selamat ke depan rumah sebab senang nak urus anak-anak.

“Nak kerja di luar, anak-anak semua kecil lagi, maka Makcik teruskan juga. Masa itu, hanya buat laksa satu jenis sahaja,” katanya yang berasal dari Batu Lapan, Kedah.

Cik Habsah memberitahu bahawa beliau dan arwah suami merupakan pengasas sajian laksa sotong di sekitar kawasan berkaitan (Kampung Selamat, Tasek Gelugor).



ADIK ipar beliau menarik kereta ‘penjaja’ dari dapur ke bahagian kedai bagi memulakan jualan.



LAKSA Sotong Kampung Selamat yang amat popular.

kira-kira setahun kemudian barulah ia menjadi pilihan ramai sehingga kini. Malah, kini, jualan laksa sotong adalah lebih laris daripada laksa biasa,” ujar beliau yang amat peramah orangnya.

Cabarannya Cik Habsah tidak berakhir di situ, beliau berkata, perniagaannya pernah ‘tidak berjalan’ dalam tempoh tiga bulan.

“Makcik buka kedai seperti sedia kala dan nampak kereta (pelanggan) pandu masuk, tetapi secara tiba-tiba mereka berpatah balik.

“Pada peringkat permulaan, Makcik tidak mengesyaki apa-apa.

Masih bernaiga seperti biasa. Sehingga pada satu hari, seorang pelanggan memberitahu bahawa beliau datang untuk makan, tapi nampak kerusi dan keadaan kedai kosong serta tutup.

Malah, ada yang bertanyakan bahawa ke mana kedai Makcik berpindah.

“Masa tu, baru Makcik percaya dan lakukan apa yang ‘patut’,” jelasnya sambil menyatakan bahawa persaingan dalam bidang perniagaan memang wujud dan kesabaran adalah amat penting.

Berkongsi pengalaman beliau membuat laksa, Cik Habsah menyatakan bahawa bahagian paling rumit untuk menghasilkan kuah laksa adalah menyiang ikan. Selain itu, teknik pembuatan laksa yang memerlukan pendekatan khas juga amat mencabar diri beliau.

“Kami tidak rasa putus asa. Sebaliknya, ‘kekecewaan’ tersebut menjadikan kami lebih bersemangat.

“Kami bertahan, cuba dan cuba lagi...

letak dalam acuan untuk menghasilkan bentuk ia.

“Sehingga kini, Makcik masih belum betul-betul memahiri proses pembuatan laksa dan sekiranya buat, hanya untuk makan keluarga sendiri sahaja,” katanya yang kini memiliki enam orang cucu.

Bagi perancangan masa depan, Cik Habsah berharap untuk mengembangkan perniagaan sedia ada.

“Buka cawangan sekiranya ada rezeki. Bagi anak (anak sulung) uruskan sebab dia sudah memahiri semua teknik yang ada pada saya,” ujar beliau yang juga pakar dalam pembuatan kuih ketayap (turut menghasilkan sendiri kulit ia), ketupat, inti kelapa untuk pau serta karipap.

Setiap hari selepas sembahyang subuh, Cik Habsah memulakan rutin harian yang telah menjadi darah dagingnya sejak lama.

Dengan dua tangan yang dianugerahkan Allah, doa yang berterusan, beliau berjaya membesar semua anak-anaknya.

Kini, perniagaannya yang banyak diuruskan Siti Khalsum, Cik Habsah mampu tersenyum puas melihat cucucunya bermain serta mengusik beliau.

“Anak dah pandai buat laksa, senang nak ke mana pun kini,” katanya puas sambil menitiskan air mata gembira.

INFO :
Tempahan : 019 - 524 2641
Waktu operasi : 2.30 petang -
7 malam (kecuali hari Rabu sehingga 9 malam); Tutup - Jumaat dan sepanjang bulan Ramadan



SAMBAL sotong yang merupakan Laksa Sotong Kampung Selamat.

Rabiatul Adawiyah atlet renang paralimpik, minat reka fesyen

MELIHATNYA, mengingatkan pada filem *Taare Zameen par* (maksud: Bagaikan Bulan di muka bumi) arahan aktor terkenal Bollywood, Amir Khan.

Filem ini mengisahkan seorang murid autisme, lakonan adik Darsheel Safary.

Berkat pengalaman, rasa empati dan kesabaran seorang guru, akhirnya berjaya mencungkil bakal pelajar autisme tersebut.

Sangat indah hasilan tangan yang begitu, hatta membuka mata rakan dan guru-guru yang selama ini tidak mencermati keistimewaananya.

Adik Rabiatul Adawiyah Mohamad Azhar, 17, yang dipilih menerima Anugerah Olahragawati Paralimpik 2014 agak kekok semasa diwawancara oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** di Gelugor baru-baru ini.

Dengan dorongan ayahnya, Rabiatul Adawiyah berkongsi serba-sedikit mengenai dirinya.

“Masuk tiga kategori dan menang dua (kategori). Saya naib johan saja (dalam SUKMA 2014 di Perlis).

“Saya dapat satu (pingat) perak dan empat (pingat) gangsa dalam SUKMA (Sukan Malaysia) di Pahang 2012...semua lima pingat,” kata Rabiatul Adawiyah.

Sejak kecil lagi, Rabiatul Adawiyah seringkali dibawa oleh ayah ke kolam renang dalam kawasan Universiti Sains Malaysia (USM).

Di sana, beliau belajar berenang, sebelum mendapat bimbingan lanjut di bawah jurulatih “Cikgu Jason”.

EPILEPSY

Difahamkan, Rabiatul Adawiyah mula dikesan mengidapi sakit Epilepsy atau sawan sejak darjah tiga.

Selepas itu, Rabiatul Adawiyah belajar di kelas aliran khas sehingga kini.

“Di sekolah, cikgu ajar Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik, tetapi saya paling minat mencanting batik serta berkebun.

“Ayah latih renang dan saya berenang dulu dengan kakak. Ada yuran RM5 untuk ayah dan RM0.50 untuk saya sekali masuk ke pusat renang USM,” jelas beliau.

Anak kedua daripada tiga beradik tersebut sehingga kini menjadi kebanggaan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Nibong, kerana mewakili kontingen Pulau Pinang menyahut cabaran di peringkat kebangsaan.

Menurut ayahnya, Rabiatul Adawiyah sendiri turut dibawa ke kolam renang tiga hari dalam seminggu.

“Kadang-kadang, takut renang juga sebab takut kalah.

“Kadang-kadang saya takut rahang (terkunci) atau kejang kaki di kolam renang,” katanya.

MINAT REKA FESYEN

Masa lapang selalunya dihabiskan di rumah, dengan menonton kartun Jepun melalui saluran Animax di Astro.

Rabiatul Adawiyah turut minat melukis, khususnya melukis reka fesyen pakaian wanita.

Sekali tengok koleksi lukisannya, boleh membuatkan kita percaya rekannya itu saling tak tumpah macam dihasilkan oleh seorang pelukis profesional.

“Saya memang nak jadi pereka fesyen...ayah kata saya sejak tadika boleh kawal ton warna.

“Apa yang saya fikir, saya akan lukis.

“Saya tak belajar benda ini di sekolah, tetapi...

“Saya minat melukis, tetapi ayah cakap minat saya pada reka fesyen.

LANJUT PELAJARAN

Rabiatul Adawiyah memberitahu, ayahnya mencadangkan beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat kolej, jika mempunyai peluang.

“Sekarang umur saya 17 tahun, mungkin dua tahun lagi saya di sini (SMK Nibong Tebal).

“Jika ada peluang, saya ingin ke GIAT MARA Kampus Melaka, kerana ada kursus melukis di sana,” ujar beliau.

HARAPAN

Kini, Rabiatul Adawiyah mengaku bahawa dorongan ibu bapa sedikit banyak menjadi sumbu keyakinan dalam dirinya.

Walaupun masih banyak perkara tidak boleh dilakukan seperti remaja normal yang lain, sekurang-kurangnya beliau mempunyai rekod kejayaan tersendiri.

“Saya dapat RM2,400, (iaitu) RM1,400 untuk dua pingat yang saya dapat masa MASUM Perlis dan RM1,000 lagi (Anugerah Olahragawati Paralimpik 2014) daripada Kerajaan Negeri.

“Kawan-kawan yang macam saya boleh cuba melukis atau melakukan apa-apa yang boleh buat dengan dorongan ayah dan ibu.

“Ayah selalu sebut saya ini ‘Budak Dari Syurga’ dan tiap-tiap apa yang Allah jadikan pada kita akan ada lemah dan istimewa sebab Dia Maha Sempurna.

“Jangan putus asas, kerana Tuhan jadikan keistimewaan yang (berbeza-)beza untuk kita hidup,” kata Rabiatul Adawiyah.



RABIATUL Adawiyah Mohamad Azhar sambil ditemani ayahnya menunjukkan pingat-pingat yang dimenangi dalam kejohanan sukan kebangsaan dalam acara renang paralimpik.



Pihak ‘berkuasa’ saman pengotor Taman Botani, dalam perbincangan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **VICTOR SEOW KOO TATT**

KEBUN BUNGA – Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid menyangkal tuduhan sebuah parti politik bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan dan pengurusan Taman Botani Pulau Pinang tidak menguruskan taman rekreasi popular tersebut dengan sempurna.

Tegas beliau, tuduhan seperti itu adalah keterlaluan, melulu dan langsung tidak berasas tanpa bukti yang sahih.

“Ini kerana, MBPP dan pengurusan Taman Botani sentiasa menjalankan kerja-kerja pembersihan mengikut waktu yang ditetapkan demi keselesaan pengunjung taman berkenaan.

“Ternyata tuduhan tersebut menunjukkan bahawa ada segelintir pihak yang cuba memburukkan reputasi Kerajaan Negeri khususnya MBPP dan pengurusan Taman Botani dengan menabur fitnah,” ujarnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Majlis MBPP, Chris Lee Chun Kit dan Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MBPP, Mohamed Akbar Mustapha dan Pengarah

Taman Botani Pulau Pinang, Mohd. Azwa Shah Ahmad.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan pemangku Wanita Gerakan Pulau Pinang, Hartini Tan yang menyatakan bahawa pengurusan Taman Botani membiarkan Taman Botani kotor dan tidak terurus dengan wujudnya beg-beg plastik digantung serta dibuang di beberapa lokasi rehat di sini sehingga mencemarkan pemandangan pengunjung.

Tambah Syerleena, umum pun tahu, Pulau Pinang kini tidak sama dengan Pulau Pinang dahulu, dahulu Pulau Pinang dilabel sebagai ‘Darul Sampah’, tetapi dengan pentadbiran kini, Pulau Pinang menyinar sebagai ‘Pulau Pinang, Pulau Mutiara’.

Dalam pada itu, menurut Mohd. Azwa, pihak pengurusan Taman Botani sentiasa komited melaksanakan tugas terutama dalam memastikan kebersihan persekitaran taman dan keselesaan pengunjung.

“Seawal jam 7.30 pagi, sebanyak 12 kumpulan terdiri daripada empat pekerja dalam setiap kumpulan akan berkumpul bersama-sama ketua kumpulan masing-masing untuk sesi taklimat.

“Kerja kemudian dilaksanakan mengikut kawasan dan waktu sehingga selesai sekitar jam 4.30



SYERLEENA Abdul Rashid (dua dari kiri) dan Mohd. Azwa Shah Ahmad (kiri sekali) pada sidang media di sini baru-baru ini.

atau 5 petang,” jelas beliau.

Mohd. Azwa memberitahu, jumlah pengunjung ke Taman Botani dianggarkan sekitar 1,000 hingga 1,400 orang setiap hari, yang terdiri daripada bermacam-macam ragam serta sifat.

“Itu belum termasuk ‘mereka’ yang bertindak merosakkan harta awam dengan melakukan vandalisme serta mencuri pokok-pokok dalam taman.

“Bagaimanapun, pihak kami sentiasa peka dan melaksanakan pembersihan di kawasan-kawasan terjejas termasuk bergotong-royong melakukan

kerja-kerja pembersihan pokok tumbang serta penanaman pokok,” katanya.

Sebagai tindakan lanjut, Mohd. Azwa memberitahu, pihaknya kini sedang dalam perbincangan untuk melantik beberapa individu sebagai pihak ‘berkuasa’ yang boleh menyaman pengunjung yang didapati membuang sampah di merata-rata atau mencuri pokok di Taman Botani.

“Jika ini penyelesaian terbaik untuk memastikan Taman Botani berada dalam keadaan bersih dan hijau, kami pasti akan mengusahakannya,” jelas beliau.

MBPP bakal laksana projek ‘Pejalan Kaki Adalah Raja’



MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (berdiri) ketika mengumumkan perancangan projek ‘Pejalan Kaki Adalah Raja’ pada Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 06 Tahun 2015 bertempat di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN – Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Muhammad Bakhtiar Wan Chik menyatakan bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan bakal melaksanakan projek ‘Pejalan Kaki Adalah Raja’ yang pertama di negeri ini.

Jelasnya, menerusi projek berkaitan, kenderaan perlu memberi laluan terlebih dahulu sekiranya terdapat pejalan kaki ingin melintas.

“Ia (projek ini) diharap dapat mendidik para pemandu kenderaan supaya lebih peka dan

berdisiplin dengan keperluan pejalan kaki,” katanya pada Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 06 Tahun 2015 bertempat di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Muhammad Bakhtiar menyatakan bahawa projek perintis bakal dilaksanakan di Lebuh Farquhar berhampiran Mahkamah Tinggi Pulau Pinang.

“Tarikh pelaksanaan akan diumumkan kemudian,” ujar beliau.



PATAHIYAH Ismail menunjukkan naskah cetakan Buletin Island pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Buletin Island kongsi maklumat bersama-sama masyarakat

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

PADANG KOTA – Bagi menyampaikan maklumat serta berita mengenai aktiviti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan mengambil inisiatif menerbitkan e-Buletin bertajuk Buletin Island bermula 25 Jun lalu di sini.

Datuk Bandar MBPP, Dato’ Patahiyah Ismail berkata, Buletin Island merupakan penerbitan tiga kali setahun.

“Ia bakal memainkan peranan sebagai

jendela tertutamanya dalam menjalin silaturahim antara MBPP dan masyarakat umum.

“Malah, ia juga sebagai sebahagian usaha ke arah mentransformasikan perkhidmatan ke ambang kegemilangan,” katanya pada Majlis Pelancaran Buletin Island sejurus tamatnya Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 06 Tahun 2015 bertempat di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

E-Buletin yang hanya diterbitkan di atas talian boleh diakses melalui www.mbpp.gov.my/web/guest/penerbitan1.

Surau Bandaraya MBPP lengkap dengan kemudahan tandas OKU

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

PADANG KOTA – Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim baru-baru ini merasmikan Surau Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di Lebuh Duke dekat sini.

Surau yang mampu menempatkan 70 jemaah dalam satu-satu masa tersebut turut dilengkапkan dengan kemudahan tandas untuk golongan orang kurang upaya (OKU).

Pada majlis berkenaan, Abdul Malik turut berbuka puasa bersama-sama kakitangan MBPP dan kemudian menunaikan solat maghrib.



RUPA bentuk Surau Bandaraya MBPP yang terletak di Lebuh Duke.

Turut hadir, Ahli Majlis MBPP, Mohamed Yusoff Mohamed Noor, Nur Zarina Zakaria, Ahmad Azrilal Tahir dan Sha'ari Md. Salleh.

Abdul Malik dalam ucapannya menyatakan bahawa surau berkeluasan kira-kira 160 meter persegi tersebut dibina di atas tapak letak kereta



ABDUL Malik Abul Kassim (kiri sekali) membuka tirai plat Surau Bandaraya MBPP sebagai menyempurnakan gimik perasmianya di sini baru-baru ini.

yang mana ia tidak mengganggu bangunan warisan sedia ada.

“Anggaran kos pembinaan adalah berjumlah RM175,200 hasil wang caruman surau.

“Secara keeluruhan, pembinaan surau ini dapat memberi suntikan kepada ahli jawatankuasa dan kariah bagi

mengimarakannya serta meningkatkan syiar islam.

“Ini adalah satu usaha dakwah dan kita berharap penjagaan tempat-tempat ibadat ini melambangkan keimanan,” katanya pada Majlis Perasmian Surau Bandaraya MBPP di sini baru-baru ini.

Naiktaraf, bina hentian bas baharu demi rakyat

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **AHLI MAJLIS MBPP**

PANTAI JEREJAK – Beberapa lokasi strategik di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pantai Jerejak telah dikenalpasti untuk projek pembinaan perhentian bas baharu bagi kemudahan penduduk setempat.

Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A. Kumaresan berkata, pihak MBPP menerima permintaan daripada penduduk setempat untuk mewujudkan perhentian bas di beberapa lokasi laluan bas di sini.

“Hasil perbincangan, terdapat beberapa lokasi telah dikenalpasti termasuk menaiktaraf perhentian bas sedia ada untuk keselesaan pengguna.

“Saya sendiri telah membuat lawatan teknikal bersama wakil Jabatan Kejuruteraan MBPP untuk melihat dan mengkaji kesesuaian tapak bagi pembinaan perhentian bas di beberapa lokasi tumpuan umum,” katanya di sini baru-baru ini.



A. Kumaresan (dua dari kiri) menunjukkan tanda bagus ketika mengadakan tinjauan ke perhentian bas baharu di hadapan Pasaraya Giant Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Turut sama, Pegawai Khas Ahli Parlimen Bayan Baru.

Jelas Kumaresan, pelaksanaan menaiktaraf dan pembinaan perhentian bas baharu itu sejajar dengan fokus MBPP dalam membangunkan sektor infrastruktur pengangkutan awam dan pengurusan

lalulintas yang efisien serta berintegrasi.

Terdahulu, Kumaresan turut mengadakan lawatan ke perhentian bas baharu di hadapan Pasaraya Giant Bayan Baru.

“Perhentian bas di sini merupakan contoh terbaik, bukan sahaja menjadi laluan bas, tetapi juga tumpuan ramai kerana lokasinya yang berhampiran pasaraya, hospital, sekolah dan pusat perniagaan.

“Saya berharap dengan adanya kemudahan infrastruktur seperti ini, orang ramai akan lebih tertarik untuk menggunakan pengangkutan awam di masa hadapan,” seru beliau.



TINJAUAN teknikal ke perhentian-perhentian bas sedia ada bagi tujuan menaiktaraf ia demi kemudahan orang ramai.

Get RED-Y for ZUMBA
(datang dengan outfit MERAH)

Tarikh: 2 Ogos 2015 (Ahad)
Masa: 7 pg - 9:30 pg
Tempat: Lebuh Pantai

Perasmian Oleh:
YB Dato' Hj. Mohd. Rashid Hasnon
Timbalan Ketua Menteri I

Zin Mary

Zin Hanif

* 500 perserta pertama akan menerima cenderahati

Pesta Durian Jawi, baka Ochee paling istimewa

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : ADUN

JAWI – Festival durian yang saban tahun diadakan di Parlimen Balik Pulau dalam Daerah Barat Daya pada musim baru-baru ini beralih arah ke Nibong Tebal.

Bertempat di tanah lapang bersebelahan stesen minyak Shell Bukit Minyak dekat Jalan Nibong Tebal di sini, macam-macam jenis durian popular boleh didapati dek pengunjung seawal jam 11 pagi hingga 8 malam.

Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang memberitahu bahawa Pulau Pinang, khususnya sejak lima tahun lepas senantiasa dikunjungi pelancong dari dalam negara mahupun luar negara apabila tiba musim durian.

"Anjung Indah (dekat Balik Pulau) akan menjadi tumpuan pelancong

tiap-tiap tahun kerana pemandu pelancong akan membawa mereka ke sana untuk menikmati baka popular lain seperti *Raja Musang*, *Ang Hae*, *Hor Lor*, *Kun Poh*, 101, 600, 604, 14/19, 11, D24, 144 dan Durian Kampung.

"(Baka) Ochee atau Durian Duri Hitam yang biasa didapati di Balik Pulau, kini turut boleh didapati di Jawi.

"Jumlah pengunjung kian meningkat tiap-tiap tahun dan pada pesta durian kali ini, Pulau Pinang dikunjungi lebih 2,000 pelancong dari Hong Kong sahaja untuk menikmati durian tempatan kita," jelas Heng Kiang yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Difahamkan, Ochee pernah dipilih sebagai baka durian paling enak bagi tahun 2003 dan 2014, yang dianjurkan

oleh Jabatan Pertanian Malaysia.

Malah, di Jawi, kini terdapat kira-kira 600 pokok di sebuah dusun dekat Sungai Baong dalam Parlimen Nibong Tebal, dikatakan lebih banyak berbanding di Parlimen Balik Pulau.

"Lebih kurang 5,000 Ochee Boss dari Nibong Tebal ada pada musim kali ini," jelas Leow Cheok Kiang, 55, pengusaha kebun durian di Sungai Baong.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee dalam kenyataannya berharap Seberang Perai Selatan (SPS) khususnya Jawi boleh terus menjadi destinasi pelancongan makanan dengan pengajuran Pesta Durian Peringkat Negeri pada saban tahun kelak.

"Ochee adalah antara baka popular yang ditonjolkan pada Pesta Durian anjuran Pejabat KADUN Jawi dengan Jawatankuasa Pelancongan Negeri, kerana kita mahu program ini terus



CHOW Kon Yeow (tengah) bersama-sama Soon Lip Chee (kanan) dan seorang pemilik dusun durian menunjukkan baka durian Ochee pada pengajuran Pesta Durian Anjuran Pejabat KADUN Jawi di sini baru-baru ini.

menjadi produk pelancongan (makanan) di sini," jelas beliau.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan ADUN Komtar, Teh Lai Heng antara pemimpin Kerajaan Negeri yang hadir pada pesta tersebut.

Ketahui pertolongan cemas demi nyawa seseorang



YEOH Soon Hin (tiga dari kanan) mempraktis teknik-teknik pertolongan cemas sambil diperhatikan Phee Boon Poh pada pengajuran Bengkel Pertolongan Cemas di sini baru-baru ini.

Gambar : LAW SUUN TING

PAYA TERUBONG – Pengetahuan asas mengenai pertolongan cemas wajar diperluaskan kepada umum terutama penduduk setempat sesebuah kawasan perumahan dan bukan hanya untuk pengamal perubatan sahaja.

Perkara itu dinyatakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin pada Majlis Perasmian Bengkel Pertolongan Cemas di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Paya Terubong di sini baru-baru ini.

Soon Hin berkata, langkah awal rawatan adalah amat penting terutama ketika ketiadaan pakar-pakar perubatan yang mana, pertolongan cemas dapat menentukan antara hidup dan mati seseorang.

"Melalui kesedaran inilah, saya mengambil inisiatif bekerjasama dengan St. John Ambulance Pulau Pinang menganjurkan Bengkel Pertolongan Cemas bagi komuniti di

Desa Permata ini.

"Saya berharap menerusi penerangan dan sesi praktikal yang ditunjukkan melalui slot bengkel ini mampu memberi sedikit gambaran dan penjelasan tentang perkara yang patut dilakukan oleh komuniti setempat apabila berhadapan dengan situasi cemas nanti," ucapnya.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Ahli-ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid dan Tan Hooi Peng serta ahli-ahli JKKK Desa Permata.

Tambah Soon Hin, program terbabit juga bertujuan melahirkan ahli keluarga yang boleh menangani dan bertindak semasa kecemasan berlaku.

"Saya merancang untuk mempergiatkan lagi pengajuran bengkel ini mengikut JKKK pada masa hadapan," ujar beliau.

ADUN edar 1,000 rompi keselamatan percuma sempena Aidilfitri

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI
Gambar : ADUN

JAWI – Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee dengan kerjasama pengilang alat ganti kendaraan terkemuka, Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd. (Continental) mengedarkan sejumlah 1,000 pasang rompi keselamatan (*safety vest*) pemantul cahaya kepada para penunggang motosikal dan pengayuh basikal di pekan Nibong Tebal di sini baru-baru ini.

Lip Chee berkata, selain menggalakkan penunggang motosikal memakai topi keledar dengan betul, pemakaian rompi keselamatan pemantul cahaya juga penting untuk menjamin keselamatan terutama pada waktu malam.

"Setiap tahun, pelbagai kempen kesedaran keselamatan dijalankan bagi meningkatkan pemahaman dan kesedaran orang ramai tentang aspek-aspek pematuhan undang-undang lalulintas terutamanya kepada pengguna jalan raya.

"Pastinya, fokus utama adalah penunggang dan pembonceng motosikal kerana mereka ini menjadi kumpulan terbesar yang menyumbang kepada jumlah kemalangan maut di jalan raya," katanya ketika hadir mengedarkan rompi keselamatan pada Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya di Nibong Tebal di baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Loh



SOON Lip Chee (depan, kiri sekali) memakaikan rompi keselamatan kepada salah seorang penunggang motosikal sempena Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya di Nibong Tebal di baru-baru ini.

Joo Huat dan H'ng Mooi Lye serta Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Nibong Tebal, Khaw Haw Thiew dan Pengurus JKKK Kampung Che Aminah, Jamni Suleiman.

Lip Chee berkata, syarikat Continental sudi membayai sehingga RM100,000 bagi menjayakan kempen keselamatan jalan raya di Nibong Tebal dan ia sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat berkenaan.

"Selain itu, saya juga mengadakan beberapa perjumpaan dengan pihak polis, JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan), JKR (Jabatan Kerja Raya) dan MPSP bagi mengkaji punca kemalangan jalan raya terutama di beberapa *hotspots* seperti di Jalan Bukit Panchor, Jalan Bukit Tambun, Jalan Tasek di Simpang Ampat dan Jalan Besar di Sungai Jawi.

"Saya harap orang ramai, khususnya penunggang dan pembonceng motosikal sedar tentang keselamatan masing-masing dan sentiasa mematuhi arahan papan tanda atau arahan semasa yang diberikan terutama ketika musim perayaan ini," seru beliau.

Peniaga bazar perlu jujur, utama kebersihan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADUN**

BATU MAUNG — Para peniaga di bazar-bazar Ramadan di sini diingatkan supaya bersikap jujur dalam penjualan makanan mahupun minuman kepada pelanggan dan tidak hanya mengejar keuntungan semata-mata.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, peniaga makanan terutamanya, perlu jujur dengan menjual juadah baharu dan bukan yang dikitar semula atau sisa yang tidak habis pada hari sebelumnya.

"Aspek keselamatan makanan dan kebersihan perlu diberi perhatian, jangan hanya mengejar keuntungan semata-mata sehingga mengambil kesempatan menjual makanan yang mungkin telah pun tercemar."

"Tindakan peniaga yang tidak



MEMAKAIKAN apron kepada salah seorang peniaga di Bazar Ramadan Jalan Mahkamah.

bertanggungjawab seperti ini mampu mengundang risiko keracunan makanan dan menjasakan kesihatan pembeli. Justeru, selain memastikan premis bersih, arahan pemakaian apron ketika mengendali



ABDUL Malik Abul Kassim (tiga dari kiri) bersama-sama para peniaga minuman di Bazar Ramadan Jalan Mahkamah menunjukkan tanda bagus pada program sumbangan apron di sini baru-baru ini.

makanan juga perlu dipatuhi," katanya kepada Buletin Mutiara sejurus selepas pengedaran apron kepada hampir 200 peniaga di Bazar Ramadan Jalan Mahkamah di sini baru-baru ini.

Menurut Abdul Malik, inisiatif yang telah dilaksanakan empat tahun berturut-turut itu turut membabitkan para peniaga di Bazar Ramadan Bukit Gedung, Bazar Ramadan Batu Maung, Bazar Ramadan Permatang Damar Laut dan

Bazar Ramadan Kongsi 10.

"Saya berharap peniaga di bazar-bazar Ramadan, sama ada di Batu Maung mahupun seluruh Pulau Pinang sentiasa mengutamakan kebersihan dan keselamatan hasil jualan demi kesejahteraan semua," katanya yang juga merupakan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Peruntukan 'khas' sambut Ramadan di DUN Datuk Keramat

Gambar : **ALISSALA THIAN**

DATUK KERAMAT

— Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo menyatakan bahawa pihaknya memperuntukkan RM80,000 sempena sambutan bulan Ramadan di Kawasan Dewan Undangan (KADUN) terbabit di sini.

Jagdeep berkata, bersempena Ramadan, beliau menyantuni sembilan kawasan masjid di bawah seliaan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Datuk Keramat.

"Saya amat berbesar hati dapat bersama-sama penduduk meraikan kedatangan bulan yang mulia ini.

"Diharap sumbangan beras kepada



JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) sambil ditemani Jeff Ooi Chuan Aun (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan Aidilfitri di Masjid Wan Chik Ariffin, Jalan Perak di sini baru-baru ini.

50 penerima terpilih bakal meringankan beban ditanggung keluarga-keluarga kurang mampu ini," ucapnya pada Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan Aidilfitri di Masjid Wan Chik Ariffin, Jalan Perak di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun.



SUASANA majlis yang diadakan.

PPK, Ahli Majlis edar 3,200 pek iftar percuma



(Dari kanan), MOHD. Tuah Ismail, Muhammad Bakhtiar Wan Chik, Halil Sabri Hamid dan Nur Zarina Zakaria menyampaikan pek iftar kepada seumpulan wanita di Jalan Baru pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.

Gambar : **PPK**

PULAU BETONG — Sejumlah 3,200 pek iftar (juadah berbuka puasa) disumbangkan secara percuma kepada komuniti setempat dan kawasan sekitar terpilih di sini sepanjang Ramadan ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, penganjuran berkaitan merupakan salah satu program tahunan di bawah Pusat Khidmat PPK Pulau Betong.

"Tahun ini, kita edar pek nasi di lapan kawasan terpilih sekitar Pulau Betong, Teluk Bahang dan Bayan Lepas pada setiap hujung minggu dan Alhamdulillah, sambutan adalah amat menggalakkan.

"Sekiranya ada rezeki, kita akan tambah lagi bilangan pek tahun hadapan," katanya kepada Buletin Mutiara pada Majlis Sumbangan Iftar Pusat Khidmat PPK Pulau Betong di sini baru-baru ini.

Selain Pusat Khidmat Pulau Betong, turut terlibat dalam pelaksanaan program berkaitan ialah PPK Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid

dan dua Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Nur Zarina Zakaria dan Muhammad Bakhtiar Wan Chik.

Menurut Mohd. Tuah, objektif program tersebut adalah untuk menyuburkan perhubungan masyarakat setempat di samping menyemarakkan sambutan Ramadan sebagaimana dituntut dalam Islam.

"Tahun ini, kita membelanjakan lebih RM16,000 untuk menyediakan pek iftar dan turut disumbangkan bersama adalah bubur lambuk serta snek ringan untuk kanak-kanak," jelas beliau.



KAUM wanita bertungkus-lumus menyediakan pek iftar untuk diedarkan.

Pertama di MALAYSIA

Rakyat Pulau Pinang menikmati dividen kerajaan baik

One-Off:



RM1,000

Urusan Jenazah

RM1,000

IPTA

RM200

Bayi dilahirkan
di Pulau Pinang

Pelajar

(Tahun 1 & 4,
Tingkatan 1 & 4)

RM100
sebulan

RM600
tahunan :

Sumbangan pukat
2 kali setahun

**DAFTARLAH
SEKARANG!**
di pejabat
**ADUN
ANDA!**

RM100 / tahunan :



Warga Emas



Ibu Tunggal



OKU



Suri Rumah



Penarik
Beca



Pemandu
Teksi



Nelayan

*Tertakluk pada syarat

Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat



JULAI

26 Julai	: "Bone to Run 2015 Charity Fun Run"
Masa	: 7.00 pagi
Tempat	: Straits Quay Tanjung Tokong Penang
Penganjur	: Mount Miriam Cancer Hospital Penang
Telefon	: 04-8923873 / 012-4802235 (En. Keith Tan)
Email	: keith@mountmiriam.com

OGOS

9 Ogos	: Kwong Wah Yit Poh Penang Hill Climb
Masa	: 7.00 pagi
Tempat	: Taman Perbandaran Belia
Penganjur	: Kwong Wah Yit Poh
Telefon	: 04-2612312 / 012-4052934 (Koma Leong)
Email	: komaleong@yahoo.com
16 Ogos	: MPSP Tower Run
Masa	: 7.00 pagi
Tempat	: MPSP Bandar Perda, LA Vintage Events
Penganjur	: 012-4401398 (Shaun Ng)
Telefon	: info@mpspowerrun.com.my
16 Ogos	: Tanjung 10KM Run
Masa	: 7.00 pagi
Tempat	: Padang Polo
Penganjur	: PAAA
Telefon	: 016-4628260 (Govindasamy)
Email	: govind0101@hotmail.com

KALENDAR SUKAN MASSA 2015 (Julai - Sept.)

23 Ogos	: FMM Penang Futsal Carnival 2015
Masa	: 8.00 pagi
Tempat	: Seberang Jaya
Penganjur	: Federation of Malaysian Manufacturers
Telefon	: 04-3992057 / 019-4111229 (Dato' Dr. Ooi Eng Hock)
Email	: fmmpenang@fmm.org.my
29-30 Ogos	: 100KM Ultra Marathom
Masa	: 10.00 malam
Tempat	: SJKC Kampung Sungai Lembu
Penganjur	: JKKK Sungai Lembu & Endurance Nature
Telefon	: 013-32776289 (Ng Seow Kong)
30 Ogos	: Delta Eco Night Run 2015
Masa	: 6.00 petang
Tempat	: Taman Perbandaran Belia
Penganjur	: Delta Business Solutions
Telefon	: 012-4880800 (Choo Eng Hin)
Email	: ceh@deltaonline.com.my

SEPTEMBER

6 Sep.	: Penang Peace Run
Masa	: 7.30 pagi
Tempat	: Taman Perbandaran Belia
Penganjur	: Service Civil International (SCI)
Telefon	: 012-4921442 (Ravichandar)
Email	: ravi.eda4all@gmail.com
18 & 19 Sep.	: GSN 3V3 Floorball Tournament
Masa	: 8.00 pagi - 6.00 petang
Tempat	: Balai Rakyat Pasar Awam, Balik Pulau
Penganjur	: Gateway Sports Network & Persatuan Floorball P. Pinang
Telefon	: 016-2887809 (Christopher Koh)
Email	: topher.koh@gmail.com
20 Sep.	: Guang Ming Bukit Jambul Hikathon
Masa	: 7.00 pagi
Tempat	: Kawasan Mendaki Bukit Jambul
Penganjur	: Kelab Pendaki Bukit Jambul
Telefon	: 016-4042099 (Lim Beng Chuan)
Email	: limbengchuan@yahoo.com
26 - 27 Sep.	: Penang Ultra 100KM Run
Masa	: 5.30 pagi
Tempat	: Padang Kota Lama
Penganjur	: E-Youth Association
Telefon	: 012-4281805 (Andrew Loh)
Email	: andrewllh@hotmail.com / meiyap@gmail.com